


# 40 *Hadith* *Berkenaan*



# 40 *Amalan* *Sunat Harian*

*Keampunan Dosa & Pahala Luar Biasa*


*Dr. Abdullaah Jalil*



*40 Hadith  
Berkenaan*

*40 Amalan  
Sunat Harian*

*Keampunan Dosa & Pahala Luar Biasa*





---

*40 Hadith  
Berkenaan*

*40 Amalan  
Sunat Harian*

*Keampunan Dosa & Pahala Luar Biasa*

---

Dr. Abdullaah Jalil





Diterbitkan oleh:  
WISDOM PUBLICATION NS0078217-W  
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,  
Nilai Impian,  
Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel: 06-794 6394  
Email: [wisdompublisher@gmail.com](mailto:wisdompublisher@gmail.com)  
Reka Bentuk: Public Domain/Freeepik

Hak Cipta Terpelihara © 2023 Wisdom Publication

Edisi Pertama  
Cetakan: Jun 2023

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Wisdom Publication (NS0078217-W) atau penulis.

Pencetak:  
ZARASA ENTERPRISE,  
001372482-A,  
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.  
Tel: +6019-282 6924  
Email: [zarasaenterprise@gmail.com](mailto:zarasaenterprise@gmail.com)

Firman Allah ﷻ (Al-Ḥadīd:21):

﴿ سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ  
وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن  
يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴾

“Berlumba-lumbalah kamu [mengerjakan amal-amal yang baik] untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.”



Buat kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah  
Ismail,  
Juga isteri yang dikasihi: Suraiya Osman,  
serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-  
Safiyyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-  
Habib.  
dan seluruh ahli keluarga,  
serta seluruh umat Islam.



## PRAKATA PENERBIT



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan Pemilik sekalian alam, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam buat junjungan tercinta, Saidina Muhammad ﷺ, Rasul-Nya, hamba-Nya dan kekasih-Nya, serta buat ahli keluarga, para sahabat Baginda ﷺ dan umat Islam yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

*Ammā ba'd:*

Pihak Wisdom Publication sekali lagi melahirkan pujian dan syukur kepada Allah ﷻ yang telah memberi taufik kepada kami untuk menerbitkan buku yang bermanfaat ini. Ia adalah merupakan buah tangan Dr. Abdullaah Jalil bagi membangkitkan kesungguhan memelihara ibadah sunnah harian berteraskan sabdaan Rasulullah ﷺ. Dengan buku ini, pembaca diharapkan sentiasa bersemangat dalam berusaha menjaga amalan sunnah harian dengan pengetahuan berkenaan fadilat dan sumbernya. Dengan itu, seorang pengamal dapat mengelakkan sikap cuai atau sambil lewa dan kurang bersemangat dalam melazimi sesuatu amalan. Dengan kata lain, amalan yang dipandu ilmu akan lebih mudah untuk kekal dan berpanjangan. Sesungguhnya tiada penghujung bagi amalan soleh seorang mukmin sehinggalah dia meninggalkan dunia ini dengan sebaik-baik keadaan *husnul khātimah*. Selamat mengambil manfaat daripada mutiara nabawi yang terkandung di dalam buku ini dan beramal denganya secara *istiqāmah*.

**WISDOM PUBLICATION**

## PRAKATA PENULIS



Segala puji bagi Allah ﷻ, Tuhan Pemilik sekalian alam, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam buat junjungan tercinta, Saidina Muhammad ﷺ, Rasul-Nya, hamba-Nya dan kekasih-Nya, dan buat ahli keluarga, para sahabat Baginda ﷺ dan umat Islam yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari akhirat.

*Ammā ba'd:*

Penulis memanjatkan pujian dan memanjangkan kesyukuran kepada Allah ﷻ yang telah memberi taufik untuk penulis menyiapkan himpunan empat puluh (40) hadith yang bermanfaat ini pada hari yang penuh mulia iaitu 10 Zulhijjah 1444 Hijrah. Buku ringkas ini bertujuan untuk menjadi rujukan cepat dan sumber motivasi bagi penulis dan pembaca agar mengambil berat amalan-amalan sunat harian yang mudah dilakukan dan menjadi sebab keampunan dosa dan pahala yang luar biasa sepertimana yang dijanjikan oleh Rasulullah ﷺ. Ia merupakan peringatan bagi penulis terlebih dahulu sebelum orang lain agar terus menjaga amalan-amalan yang dianjurkan oleh Baginda ﷺ ini. Dengan susunan dan isi kandungan yang ringkas, buku ini juga sesuai dijadikan bahan bacaan dan *ta'lim* harian di kalangan ahli keluarga, kenalan dan jemaah agar terus bersungguh-sungguh dan *istiqāmah* memelihara amalan-amalan sunat harian ini sehingga ke akhir hayat. Semoga usaha yang kerdil ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan umat Islam seluruhnya serta diberkati-Nya. Allāhumma Āmīn.

**DR. ABDULLAAH JALIL**

## PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI

|    |   |
|----|---|
| '  | ء |
| b  | ب |
| t  | ت |
| th | ث |
| j  | ج |
| ḥ  | ح |
| kh | خ |
| d  | د |
| dz | ذ |
| r  | ر |
| z  | ز |
| s  | س |
| sh | ش |
| ṣ  | ص |
| ḍ  | ض |

|         |            |
|---------|------------|
| da      | دَ         |
| du      | دُ         |
| dī      | دِي        |
| al-Taqī | التَّقِيُّ |

|    |    |
|----|----|
| ṭ  | ط  |
| ẓ  | ظ  |
| '  | ع  |
| gh | غ  |
| f  | ف  |
| q  | ق  |
| k  | ك  |
| l  | ل  |
| m  | م  |
| n  | ن  |
| h  | هـ |
| h  | ة  |
| w  | و  |
| y  | ي  |

|               |                  |
|---------------|------------------|
| di            | دِ               |
| dā            | دَا              |
| dū            | دُو              |
| Taqiyy al-Dīn | تَقِيُّ الدِّينِ |

## ISI KANDUNGAN

|                                                                                                                                                                                              |     |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| PRAKATA PENERBIT.....                                                                                                                                                                        | i   |
| PRAKATA PENULIS .....                                                                                                                                                                        | ii  |
| PANDUAN RINGKAS TRANSLITERASI .....                                                                                                                                                          | iii |
| ISI KANDUNGAN.....                                                                                                                                                                           | iv  |
| PENDAHULUAN .....                                                                                                                                                                            | 1   |
| PAHALA LUAR BIASA .....                                                                                                                                                                      | 4   |
| Hadith 1: Solat Sunat Qabliyyah Subuh: Lebih Baik daripada Dunia dan Seisinya.....                                                                                                           | 5   |
| Hadith 2: Solat Isyak dan Subuh Secara Berjemaah: Seumpama Mendirikan Solat Separuh Malam dan Keseluruhannya.....                                                                            | 6   |
| Hadith 3: Solat Subuh Berjemaah, Berzikir sehingga Terbit Matahari dan Solat Sunat Dua Rakaat bagi Mendapatkan Pahala Haji dan Umrah Yang Sempurna .....                                     | 7   |
| Hadith 4: Tasbih ﴿سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ﴾ Seratus (100) kali di Waktu Pagi dan Petang: Di Antara Amalan Yang Paling Baik.....                                                        | 8   |
| Hadith 5: Mempelajari Satu Ayat al-Quran itu Lebih Baik daripada Seratus (100) Rakaat Solat Sunat; dan Mempelajari Satu Bab Ilmu itu Lebih Baik daripada Seribu (1000) Rakaat Solat Sunat. . | 9   |
| Hadith 6: Dua Rakaat Solat Ḍuḥā Mencukupkan Tuntutan Hak Sedekah Setiap Hari .....                                                                                                           | 10  |
| 6.1: Seseorang Yang Memelihara Solat Sunat Duha Sebanyak Dua Raka'at Setiap Hari Diberi Keampunan oleh Allah ﷻ bagi Dosa-Dosanya .....                                                       | 11  |
| Hadith 7: Tasbih Bersama Tahmid Yang Dicintai (Allah) al-Raḥmān dan Berat di al-Mīzān (Neraca Timbangan) .....                                                                               | 12  |
| Hadith 8: Doa Selepas Wuduk: Dua Syahadah Selepas Wuduk Membuka Pintu-pintu Syurga.....                                                                                                      | 13  |



|                                                                                                                                                  |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| Hadith 9: Ganjaran bagi Penghulu Istighfar ( <i>Sayyid al-Istighfār</i> ) adalah Syurga.....                                                     | 15        |
| Hadith 10: <i>Istighfār</i> (Memohon Keampunan) untuk Semua Orang Beriman .....                                                                  | 17        |
| Hadith 11: Hadith Zikir Tahlil Lebih Berat daripada Seluruh Penduduk Tujuh (7) Petala Langit dan Tujuh (7) Petala Bumi..                         | 18        |
| Hadith 12: Zikir <i>Ḥawqalah</i> adalah Perbendaharaan (Ganjaran Pahala Yang Sangat Bernilai Tinggi dan Berharga) di Syurga .                    | 20        |
| 12.1: Perbanyakkan Zikir <i>Ḥawqalah</i> .....                                                                                                   | 22        |
| Hadith 13: Zikir Tasbih bersama Tahmid Menumbuhkan Pohon Di Syurga .....                                                                         | 23        |
| Hadith 14: Satu (1) Huruf Al-Quran Yang Dibaca Memberikan Sepuluh (10) Pahala Kebajikan.....                                                     | 24        |
| Hadith 15: Surah al-Fatihah adalah Surah Yang Paling Agung di dalam al-Qur'an .....                                                              | 25        |
| 15.1: Wirid Surah al-Fatihah Seratus (100) Kali Setiap Hari .                                                                                    | 26        |
| Hadith 16: Membaca Ayat al-Kursi Selepas Solat Fardu: Disegerakan Masuk ke Syurga .....                                                          | 27        |
| Hadith 17: Kelebihan Dua Ayat Terakhir Surah Al-Baqarah: Memberi Kecukupan Ibadah Qiyāmullayl dan Pemeliharaan daripada Musibah dan Syaitan..... | 28        |
| Hadith 18: Surah al-Ikhlāṣ Menyamai Satu Pertiga Al-Quran...                                                                                     | 30        |
| <b>KEAMPUNAN DOSA .....</b>                                                                                                                      | <b>31</b> |
| Hadith 19: Pahala Bagi Setiap Satu Langkah bagi Orang Yang Berwuduk di Rumahnya dan Pergi ke Masjid bagi Menunaikan Solat Fardu .....            | 32        |
| Hadith 20: Mengambil Wuduk Dengan Sempurna, Berjalan Menuju ke Masjid dan Solat Berjemaah Merupakan Sebab Keampunan Dosa .....                   | 33        |
| Hadith 21: Doa Selepas Azan: Syahadah Tauhid dan <i>Taṣḍīq</i> serta Zikir <i>Taraḍḍī</i> Ketika atau Selepas Lafaz Azan Menggugurkan Dosa ..... | 34        |

|                                                                                                                                                                                               |    |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| Hadith 22: Menyebut “Āmīn” bersama Imam dan Para Malaikat di dalam Solat Berjemaah.....                                                                                                       | 36 |
| Hadith 23: Fadilat Zikir “Tahlīl, Takbīr dan Ḥawqalah” Yang Digabungkan: Menghapuskan Dosa Walaupun Sebanyak Buih di Lautan.....                                                              | 37 |
| Hadith 24: Tasbih bersama Tahmid ﴿سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ﴾ Seratus (100) Kali Sehari Menghapuskan Dosa.....                                                                            | 39 |
| Hadith 25: Al-Bāqiyāt al-Ṣāliḥāt: Zikir “al-Bāqiyāt al-Ṣāliḥāt” Menggugurkan Dosa-Dosa .....                                                                                                  | 40 |
| 25.1: Tasbih, Tahmid, Tahlil dan Takbir adalah Kalam Pilihan Allah ﷻ.....                                                                                                                     | 42 |
| Hadith 26: Zikir Tahmid Selepas Makan Yang Menggugurkan Dosa .....                                                                                                                            | 44 |
| Hadith 27: Zikir Tahmid Ketika Memakai Pakaian Yang Menghapuskan Dosa.....                                                                                                                    | 45 |
| Hadith 28: Seratus (100) Zikrullah Selepas Solat Fardu Yang Menghapuskan Dosa.....                                                                                                            | 46 |
| Hadith 29: Fadilat Membaca Yāsīn pada Waktu Malam: Mendapat Keampunan daripada Allah ﷻ.....                                                                                                   | 48 |
| Hadith 30: Tahlīl Kāmil, (ii) Ḥawqalah dan (iii) Al-Bāqiyāt Al-Ṣāliḥāt Sebelum Masuk Tidur Menghapuskan Dosa.....                                                                             | 49 |
| Hadith 31: Istighfar dan Taubat Yang Menghapuskan Dosa ....                                                                                                                                   | 50 |
| Hadith 32: Istighfar Sebelum Tidur: Istighfar bersama Tahlil dan Taubat dengan Tiga Nama Allah [al-‘Aẓīm, al-Ḥayy dan al-Qayyūm] Sebanyak Tiga (3) Kali Sebelum Tidur Menghapuskan Dosa ..... | 51 |
| Hadith 33: Majlis Zikrullah adalah Majlis Pengampunan Allah ﷻ dengan Persaksian Para Malaikat .....                                                                                           | 53 |
| Hadith 34: Keampunan Allah bagi Dua Orang Muslim Yang Bertemu dan Bersalaman .....                                                                                                            | 57 |
| 34.1: Dosa-dosa Dua Orang Muslim Yang Bersalaman Ketika Bertemu Diampunkan oleh Allah ﷻ.....                                                                                                  | 58 |

|                                                                                                                    |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| <b>KURNIAAN ISTIMEWA .....</b>                                                                                     | <b>59</b> |
| Hadith 35: Menyatakan Keredaan Terhadap Allah, Islam dan Rasulullah ﷺ (Taraddī) pada Waktu Pagi dan Petang .....   | 60        |
| Hadith 36: Empat Puluh (40) Ganjaran dengan Satu Selawat kepada Rasulullah ﷺ .....                                 | 62        |
| Hadith 37: Majlis Zikrullah: Empat Kelebihan Luar Biasa .....                                                      | 63        |
| Hadith 38: MembacaTahlīl Kāmil Ketika Berada di dalam Pasar .....                                                  | 64        |
| Hadith 39: “Tahlīl Kāmil” Sebanyak 100 Kali Di Waktu Pagi dan Petang Mempunyai Lima (5) Kelebihan Yang Besar ..... | 66        |
| Hadith 40: Surah Al-Mulk Mempertahankan Pemiliknya Sehingga ke Syurga .....                                        | 68        |
| <b>PESANAN PENUTUP .....</b>                                                                                       | <b>69</b> |
| <b>PENULIS.....</b>                                                                                                | <b>73</b> |
| <b>BIBLIOGRAFI.....</b>                                                                                            | <b>76</b> |
| <b>LAMPIRAN 1: RISALAH PENUNTUT ILMU: SURAH AL-MULK: AMALAN DAN KELEBIHAN .....</b>                                | <b>80</b> |

## PENDAHULUAN



Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Pengasih. Selawat dan salam buat junjungan kita, penghulu para nabi dan rasul ﷺ, serta buat ahli keluarga dan para sahabat رضي الله عنهم, dan mereka yang mengikut jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari kiamat.

*Ammā ba'd* (Adapun selepas itu):

Setiap hari yang dikurniakan oleh Allah ﷻ kepada kita adalah merupakan peluang yang terbaik buat kita untuk berusaha menambahkan ibadah dan kebajikan bagi mendapatkan keampunan, kemuliaan dan keredaan di sisi-Nya. Kepelbagaian bentuk ibadat yang dianjurkan di dalam Islam adalah amat luas dan setiap orang yang beriman sentiasa berusaha dan berlumba-lumba untuk menambahbaik ibadahnya sama ada dari sudut jenis, kuantiti dan kualiti berdasarkan sunnah Rasulullah ﷺ.

Berkenaan anjuran ini, Allah ﷻ berfirman di dalam al-Quran:

﴿سَابِقُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ لِلَّذِينَ آمَنُوا بِاللَّهِ وَرُسُلِهِ ذَٰلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَن يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ﴾

“Berlumba-lumbalah kamu [mengerjakan amal-amal yang baik] untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan

Rasul-rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.”

Jika direnungi dengan teliti dan penuh insaf, waktu yang kita miliki pada setiap hari sebenarnya terhad dan sama bagi setiap orang. Setiap daripada kita dikurniakan oleh Allah ﷻ dengan sebanyak:

- 24 jam, atau
- 1,440 minit, atau
- 86,400 saat atau
- 24,000 atau 20,000 (adventknows.com) nafas

pada setiap hari. Ini adalah modal harian kita. Modal kita pasti akan habis, namun apakah hasil pulangannya?.

Al-Imām Hujjat al-Islām wa al-Muslimīn Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H) mengajar kita untuk sentiasa mengandaikan bahawa setiap pagi atau petang yang kita masuki adalah merupakan pagi atau petang yang terakhir buat kita. Dengan itu, kita tidak mempunyai angan-angan yang panjang sehingga sering menangguhkan peluang ibadah dan kebajikan yang terbentang di hadapan kita. Sikap malas (*kasa*) dan bertangguh-tangguh (*taswīf*) sememangnya dua sikap buruk yang melambat-lambatkan seseorang dalam menggapai begitu banyak kurniaan Allah dalam amalan-amalan soleh.

Buku ini adalah merupakan satu usaha kecil penulis untuk menghimpunkan empat puluh (40) hadith berkaitan amalan-amalan sunat harian yang asas dan mampu dilakukan pada setiap hari. Hadith-hadith yang dipilih bagi buku ringkas ini adalah berkaitan dengan [i] amalan sunat, bukan amalan wajib, [ii] yang boleh

dilakukan setiap hari dengan mudah, [iii] khususnya yang berkaitan dengan amalan tubuh badan dan zahir seperti solat, bacaan al-Quran, zikrullah, selawat dan doa. Bagi ibadat berkaitan “harta”, penulis telah menyusunnya di dalam buku penulis bertajuk “40 Hadith Ibadat Harta.”<sup>1</sup> Dan bagi amalan hati dan rohani, sebuah buku khusus akan disiapkan pada masa akan datang – insha Allah.

Amalan-amalan sunat ini disebut oleh Rasulullah ﷺ sebagai sebab penghapus dosa dan mendapatkan keampunan Allah ﷻ serta mempunyai pahala-pahala luar biasa dan istimewa. Untuk memudahkan rujukan dan pembacaan, penulis membahagikan hadith-hadith ini kepada tiga bahagian utama iaitu:

- [i] pahala luar biasa,
- [ii] keampunan dosa, dan
- [iii] kurniaan istimewa.

Namun begitu, pada hakikatnya kelebihan-kelebihan amalan sunat harian ini tidaklah hanya terhad dengan tajuk kategori yang diletakkan di bawahnya.

Berikut adalah empat puluh (40) hadith yang dipilih oleh penulis bagi koleksi ini:

---

<sup>1</sup> Para pembaca boleh memuat turun buku ini di pautan berikut: <https://penuntutimu.files.wordpress.com/2021/05/2021-abdullaah-jalil-40-hadith-berkenaan-ibadat-harta.pdf> .



## PAHALA LUAR BIASA



## Hadith 1: Solat Sunat Qabliyyah Subuh: Lebih Baik daripada Dunia dan Seisinya

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
« رَكْعَتَا الْفَجْرِ، خَيْرٌ مِنَ الدُّنْيَا وَمَا فِيهَا »

Daripada Saidatina 'Ā'ishah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

“Dua rakaat fajar (*qabliyyah* sebelum fardu Subuh) adalah lebih baik daripada dunia ini dan apa yang ada di dalamnya [daripada harta benda].”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 727/1199 & 1200 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 416 dan beliau berkata: (حَدِيثُ عَائِشَةَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (al-Nasā‘ī (303H): al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 1759; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 23720, 24638 & 25753; (Ibn Khuzaymah (311H): Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1041; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 2458 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

Lafaznya yang lain di dalam Ṣaḥīḥ Muslim (No. 1200) menyebut:

أَنَّهُ (النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) قَالَ فِي شَأْنِ الرَّكْعَتَيْنِ عِنْدَ طُلُوعِ الْفَجْرِ لَهُمَا: « أَحَبُّ إِلَيَّ مِنَ الدُّنْيَا جَمِيعًا »

Bahawa sesungguhnya Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda berkenaan dua rakaat (*qabliyyah* sebelum fardu Subuh) setelah terbit fajar: “la lebih dicintai olehku daripada [harta benda] dunia ini keseluruhannya.”



## Hadith 2: Solat Isyak dan Subuh Secara Berjemaah: Seumpama Mendirikan Solat Separuh Malam dan Keseluruhannya

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رضي الله عنه، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:  
« مَنْ صَلَّى الْعِشَاءَ فِي جَمَاعَةٍ، فَكَأَنَّمَا قَامَ نِصْفَ اللَّيْلِ، وَمَنْ صَلَّى الصُّبْحَ فِي  
جَمَاعَةٍ، فَكَأَنَّمَا صَلَّى اللَّيْلَ كُلَّهُ »

Daripada Sayyidina ‘Uthmān bin ‘Affān رضي الله عنه, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang mengerjakan solat Isyak secara berjemaah, maka seolah-olah dia telah mendirikan separuh malam [dengan ibadah solat].

Dan barang siapa yang mengerjakan solat Subuh secara berjemaah, maka seolah-olah dia telah melakukan solat pada waktu malam keseluruhannya.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1055 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 221 dan beliau berkata: (حَدِيثُ عُثْمَانَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 555; (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 1224 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

### Hadith 3: Solat Subuh Berjemaah, Berzikir sehingga Terbit Matahari dan Solat Sunat Dua Rakaat bagi Mendapatkan Pahala Haji dan Umrah Yang Sempurna

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« مَنْ صَلَّى الْغَدَاةَ فِي جَمَاعَةٍ ثُمَّ قَعَدَ يَذْكُرُ اللَّهَ حَتَّى تَطْلُعَ الشَّمْسُ ثُمَّ صَلَّى رَكْعَتَيْنِ  
كَانَتْ لَهُ كَأَجْرِ حَجَّةٍ وَعُمْرَةٍ »، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: « تَامَّةٌ تَامَّةٌ تَامَّةٌ »

Daripada Anas bin Mālik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang melaksanakan solat Subuh secara berjemaah, kemudian dia duduk berzikir kepada Allah sehingga terbitnya matahari.

Setelah itu\*, dia pun melaksanakan solat [sunat] dua rakaat (ishrāq atau ḍuḥā), maka baginya pahala haji dan umrah, yang sempurna, yang sempurna, yang sempurna.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 586 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ) & (al-Baghawī (516H): Sharḥ al-Sunnah), No. 710.

---

\* Setelah berlalu waktu larangan solat ketika terbit matahari.

## Hadith 4: Tasbih ﴿سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ﴾ Seratus (100) kali di Waktu Pagi dan Petang: Di Antara Amalan Yang Paling Baik

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« مَنْ قَالَ حِينَ يُصْبِحُ وَحِينَ يُمَسِي: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ مِائَةَ مَرَّةٍ، لَمْ يَأْتِ أَحَدٌ  
يَوْمَ الْقِيَامَةِ بِأَفْضَلَ مِمَّا جَاءَ بِهِ إِلَّا أَحَدٌ قَالَ مِثْلَ مَا قَالَ أَوْ زَادَ عَلَيْهِ »

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang menyebut ketika dia memasuki waktu pagi dan ketika dia memasuki waktu petang [tasbih ini]:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

“Maha suci Allah [daripada segala kekurangan], dengan segala pujian milik-Nya [yang memiliki segala kesempurnaan dan memberikan segala kurniaan]”

sebanyak seratus (100) kali, maka tidak ada seorang pun pada hari kiamat kelak yang telah mendatangkan suatu amalan yang lebih baik daripada apa yang telah dilakukannya, melainkan seseorang yang menyebut sepertimana yang disebut olehnya atau lebih berbandingnya.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2695 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3469 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 5091 dengan lafaz: (سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ); (Ahmad (241H): al-Musnad), No. 8617 & 8618; (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 859 & 860; (al-Hākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1840 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ (صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

**Hadith 5: Mempelajari Satu Ayat al-Quran itu Lebih Baik daripada Seratus (100) Rakaat Solat Sunat; dan Mempelajari Satu Bab Ilmu itu Lebih Baik daripada Seribu (1000) Rakaat Solat Sunat**

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« يَا أَبَا ذَرٍّ، لَأَنْ تَغْدُوَ فَتَعْلَمَ آيَةً مِنْ كِتَابِ اللَّهِ، خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ مِائَةَ رَكْعَةٍ،  
وَلَأَنْ تَغْدُوَ فَتَعْلَمَ بَابًا مِنَ الْعِلْمِ عَمِلَ بِهِ أَوْ لَمْ يُعْمَلْ، خَيْرٌ لَكَ مِنْ أَنْ تُصَلِّيَ أَلْفَ  
رَكْعَةٍ »

Daripada Abū Dzarr al-Ghifārī رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda kepadaku:

“Wahai Abu Dzarr! Jika kamu memasuki waktu pagi/ awal siang, lalu kamu mempelajari satu ayat daripada kitab Allah, [maka] ia adalah lebih baik bagi kamu daripada kamu bersolat seratus (100) rakaat [solat sunat].

Dan jika kamu memasuki waktu pagi/ awal siang, lalu kamu mempelajari satu bab daripada ilmu [sama ada] diamalkan dengannya atau tidak diamalkan [olehmu], [maka] ia lebih baik bagimu daripada kamu bersolat seribu (1000) rakaat [solat sunat].”

T: (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 219 [Lafaz di atas] [Pada sanadnya ‘Alī bin Zayd bin Jud‘ān dan ‘Abdullāh bin Ziyād al-Baḥrānī]; (Ibn Shahin (385H): Sharh Madhahib Ahl al-Sunnah) No.54 & 55; (al-Rāfi‘ī (623H): al-Tadwīn fi Akhbār Qazwīn), No. 1350; (Ibn Shāhīn (385H): al-Targhīb fi Faḍā’il al-‘māl), No. 218 dan (Ibn ‘Abd al-Barr (463H): Jāmi‘ Bayān al-‘ilm wa Faḍlih), No.114.

## Hadith 6: Dua Rakaat Solat Ḍuḥā Mencukupkan Tuntutan Hak Sedekah Setiap Hari

عَنْ أَبِي ذَرٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ:  
« يُضْبِحُ عَلَى كُلِّ سُلَامَى مِنْ أَحَدِكُمْ صَدَقَةٌ، فَكُلُّ تَسْبِيحَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَحْمِيدَةٍ  
صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَهْلِيلَةٍ صَدَقَةٌ، وَكُلُّ تَكْبِيرَةٍ صَدَقَةٌ، وَأَمْرٌ بِالْمَعْرُوفِ صَدَقَةٌ، وَنَهْيٌ  
عَنِ الْمُنْكَرِ صَدَقَةٌ، وَيُجْزَى مِنْ ذَلِكَ رَكْعَتَانِ يَرْكَعُهُمَا مِنَ الضُّحَى »

Daripada Abū Dzarr [al-Ghifārī] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

“Apabila seseorang daripada kalian memasuki waktu pagi, maka terdapat tuntutan sedekah ke atas setiap sendi tulangnya.

Setiap satu *tasbīḥ* (سُبْحَانَ اللَّهِ) adalah sedekah, dan setiap satu *tahmīd* (الْحَمْدُ لِلَّهِ) adalah sedekah, dan setiap satu *tahlīl* (لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ) adalah sedekah, dan setiap satu *takbīr* (اللَّهُ أَكْبَرُ) adalah sedekah, dan menyuruh kebaikan adalah sedekah, dan menegah kemungkaran adalah sedekah.

Dan adalah cukup untuk menampung kesemua [tuntutan sedekah] tersebut dengan dua rakaat yang seseorang itu lakukan dari solat [sunat] Ḍuḥā.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 723 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 1285 & 1286; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 20962; (Ibn Khuzaymah (311H): Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1156 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## 6.1: Seseorang Yang Memelihara Solat Sunat Duha Sebanyak Dua Raka'at Setiap Hari Diberi Keampunan oleh Allah ﷻ bagi Dosa-Dosanya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :  
« مَنْ حَافَظَ عَلَى شُفْعَةِ الصُّحَى غُفِرَ لَهُ ذُنُوبُهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang memelihara (sering melakukan) dua raka'at solat [sunat] ḍuḥā, maka diampunkan baginya dosa-dosanya [oleh Allah ﷻ] walaupun sebanyak buih-buih lautan.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 475 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (وَقَدْ رَوَى وَكَيْعٌ، وَالنَّضْرُ بْنُ شُمَيْلٍ وَغَيْرُ وَاحِدٍ مِنْ) (الأئمة هذا الحديث، عَنْ نَهَّاسِ بْنِ قَهْمٍ وَلَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِهِ Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 1382; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 9423, 10070 & 10102; (Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh (238H): Musnad Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh), No. 329 & 462; (‘Abd Ibn Ḥumayd (249H): Musnad ‘Abd Ibn Ḥumayd), No. 1422; (Ibn Abi Shaybah (235H): Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 7860 dan lain-lain.

\*Pada sanadnya Nahhās bin Qahm yang dinilai sebagai: (ضعيف) oleh al-Ḥāfiẓ Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī di dalam Taqrīb al-Taḥdzīb.

## Hadith 7: Tasbih Bersama Tahmid Yang Dicintai (Allah) al-Raḥmān dan Berat di al-Mīzān (Neraca Timbangan)

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

«كَلِمَتَانِ خَفِيفَتَانِ عَلَى اللِّسَانِ، ثَقِيلَتَانِ فِي الْمِيزَانِ، حَبِيبَتَانِ إِلَى الرَّحْمَنِ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ»

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Dua kalimah yang ringan bagi lidah [untuk menyebutnya], berat di dalam neraca timbangan [di akhirat kelak], dan dicintai oleh Al-Raḥmān (Allah Yang Maha Pemurah/ Luas Rahmat-Nya), iaitu:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ

“Maha Suci Allah [daripada segala kekurangan] dengan kepujian buat-Nya [yang bersifat dengan segala kesempurnaan (*kamāl*) dan memberi segala kurniaan (*iḥsān*)]; Maha Suci Allah [daripada segala kekurangan], Yang Maha Agung.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6406, 6682 & 7563; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2697 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3467 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ) dan lain-lain.[Status: Ṣaḥīḥ – Muttafaq ‘alayh]

## Hadith 8: Doa Selepas Wuduk: Dua Syahadah Selepas Wuduk Membuka Pintu-pintu Syurga

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ :  
« مَا مِنْكُمْ مِنْ أَحَدٍ يَتَوَضَّأُ، فَيُسَبِّحُ الْوُضُوءَ، ثُمَّ يَقُولُ: أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، إِلَّا فُتِحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ  
الثَّانِيَةِ، يَدْخُلُ مِنْ أَيِّهَا شَاءَ »

Daripada ‘Uqbah bin ‘Āmir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan daripada [Sayyidina] ‘Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada seorang pun daripada kamu yang berwuduk dan dia menyempurnakan wuduknya, kemudian dia mengucapkan:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ

“Aku bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan [yang layak disembah] melainkan Allah, hanya Dia semata-mata dan tiada sekutu bagi-Nya; dan [aku bersaksi bahawa] sesungguhnya [Sayyidina] Muhammad ﷺ itu hamba-Nya dan utusan-Nya”,

melainkan dibukakan baginya delapan-lapan pintu syurga, dan dia boleh memasukinya melalui mana-mana pintu yang dia kehendaki.”

T: (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 16863 [Lafaz di atas], 16912 & 16942; (Ibn Khuzaymah (311H): Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 229; (al-Bazzār (292H): al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 242; (Ibn Abi Shaybah (235H): Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 24 & 30394; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 14345 dan lain-lain.



[Dalam sebahagian riwayat terdapat tambahan lafaz: ( ثُمَّ رَفَعَ نَظْرَهُ إِلَى ) (السَّمَاءِ، فَقَالَ) dan seumpamanya: “Kemudian dia mengangkat pandangannya ke langit [kerana langit adalah kiblat doa] dan mengucapkan ...).

## Hadith 9: Ganjaran bagi Penghulu Istighfar (*Sayyid al-Istighfār*) adalah Syurga

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أَوْسٍ رضي الله عنه، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ:

« سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ أَنْ تَقُولَ: اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ »، قَالَ: « وَمَنْ قَالَهَا مِنْ النَّهَارِ مُوقِنًا بِهَا فَمَاتَ مِنْ يَوْمِهِ قَبْلَ أَنْ يُمْسِيَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ، وَمَنْ قَالَهَا مِنَ اللَّيْلِ وَهُوَ مُوقِنٌ بِهَا فَمَاتَ قَبْلَ أَنْ يُصْبِحَ، فَهُوَ مِنْ أَهْلِ الْجَنَّةِ »

Daripada Shaddād bin Aws رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Penghulu istighfar ialah kamu mengucapkan:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ، وَأَبُوءُ لَكَ بِذَنْبِي فَاغْفِرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ

“Ya Allah! Engkaulah tuhanku, tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Engkau. Engkau telah menciptakan daku dan aku adalah hamba-Mu, dan Aku berada di atas perjanjian-Mu dan janji-Mu sedaya yang aku mampu. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan perbuatan yang aku perbuat. Aku mengakui kepada-Mu dengan segala nikmat-Mu ke atasku, dan Aku mengakui kepada-Mu dengan segala dosaku, maka

ampunilah daku, maka sesungguhnya tidak ada yang mengampunkan dosa melainkan Engkau.”

Baginda ﷺ bersabda lagi:

“Barang siapa yang mengucapkannya pada waktu siang hari dengan penuh keyakinan, kemudian dia meninggal dunia pada hari tersebut sebelum memasuki waktu petang, maka dia adalah daripada kalangan ahli syurga.

Dan barang siapa yang mengucapkannya pada waktu malam hari dengan penuh keyakinan, kemudian dia meninggal dunia pada malam tersebut sebelum memasuki waktu pagi, maka dia adalah daripada kalangan ahli syurga.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6306 [Lafaz di atas] & 6323; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3393 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ); (al-Nasā‘ī (303H): al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 5522; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 16662 & 16681 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 10: *Istighfār* (Memohon Keampunan) untuk Semua Orang Beriman

عَنْ عُبَادَةَ بْنِ الصَّامِتِ رضي الله عنه، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:

« مَنْ اسْتَغْفَرَ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ كَتَبَ اللَّهُ لَهُ بِكُلِّ مُؤْمِنٍ وَمُؤْمِنَةٍ حَسَنَةً »

Daripada ‘Ubādah bin al-Ṣāmit رضي الله عنه, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang beristighfār (memohon keampunan) bagi para mukminin dan mukminat (orang-orang beriman lelaki dan perempuan), maka Allah ﷻ akan mencatatkan baginya satu pahala kebajikan bagi setiap orang mukmin (lelaki beriman) dan mukminah (perempuan beriman) [yang dia *istighfārkan*].”

T: (al-Ṭabarānī (360H): Musnad al-Shāmiyyīn), No. 2155 [Lafaz di atas].

\*(al-Haythamī (807H): Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id), No. 17598, Jilid 10/10, p. 210 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ، وَإِسْنَادُهُ جَيِّدٌ).

## Hadith 11: Hadith Zikir Tahlil Lebih Berat daripada Seluruh Penduduk Tujuh (7) Petala Langit dan Tujuh (7) Petala Bumi

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنه، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:

« قَالَ مُوسَى (عليه السلام): يَا رَبِّ، عَلَّمَنِي شَيْئًا أَذْكُرُكَ بِهِ، وَأَدْعُوكَ بِهِ، قَالَ: قُلْ يَا مُوسَى: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، قَالَ: يَا رَبِّ، كُلُّ عِبَادِكَ يَقُولُ هَذَا، قَالَ: قُلْ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، قَالَ: إِنَّمَا أُرِيدُ شَيْئًا تَخْصُنِي بِهِ، قَالَ: يَا مُوسَى، لَوْ أَنَّ أَهْلَ السَّمَاوَاتِ السَّبْعِ وَالْأَرْضِينَ السَّبْعِ فِي كِفَّةٍ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فِي كِفَّةٍ، مَالَتْ بِهِمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ »

Daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Nabi Musa (عليه السلام) telah berkata: Wahai Tuhanku, ajarkanlah daku sesuatu untuk aku mengingati-Mu dengannya dan aku menyeru-Mu (berdoa) dengannya.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsī): “Ucapkanlah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah.”

Nabi Musa (عليه السلام) berkata: “Wahai Tuhanku, setiap para hamba-Mu menyebut zikir ini.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsī): “Ucapkanlah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah.”

Nabi Musa عليه السلام berkata: “Hanyasanya aku mahukan sesuatu yang Engkau khususkan daku dengannya.”

Allah ﷻ berfirman (hadith qudsī):

“Wahai Musa, sekiranya penduduk tujuh (7) petala langit dan tujuh (7) petala bumi diletakkan di dalam satu timbangan neraca dan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“[Ucapan/ Zikir:] Tiada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah” diletakkan di dalam satu timbangan neraca yang lain, pastinya timbangan:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah” itu akan lebih condong [kerana lebih berat].”

T: (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 6353 [Lafaz di atas]; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1869 dan beliau berkata: (هذا حديث صحيح الإسناد، ولم يخرجاه); (al-Nasā’ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 10602 & 10913; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 1393; (Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H): Itḥāf al-Maharah bi al-Fawā’id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-‘Asharah), No. 8211 dan beliau berkata: (رَوَاهُ ابْنُ جَبَّانَ، فِي صَحِيحِهِ: ...، قُلْتُ: رَوَاهُ النَّسَائِيُّ فِي الْيَوْمِ) (والليلة، وَالْحَاكِمُ مِنْ طَرِيقِ دَرَّاجٍ، وَقَالَ: الْحَاكِمُ صَحِيحُ الْإِسْنَادِ) dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ atau Ḥasan]

Hadith 12: Zikir *Hawqalah* adalah Perbendaharaan (Ganjaran Pahala Yang Sangat Bernilai Tinggi dan Berharga) di Syurga

عَنْ أَبِي مُوسَى الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:  
قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «أَلَا أَدُلُّكَ عَلَى كَلِمَةٍ مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ؟» أَوْ قَالَ: «عَلَى كَنْزٍ  
مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ؟»، فَقُلْتُ: بَلَى، فَقَالَ: «لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ»

Daripada Abū Mūsā [‘Abdullāh] bin Qays) al-Ash‘arī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

Rasulullah ﷺ telah bersabda kepadaku: “Tidakkah kamu mahu agar aku tunjukkan kepada kamu satu kalimah daripada perbendaharaan syurga?,” atau “satu perbendaharaan daripada perbendaharaan-perbendaharaan syurga?”.

Aku pun berkata: “Bahkan [tunjukkanlah kepadaku, wahai Rasulullah].”

Baginda ﷺ bersabda: “[Kalimah tersebut ialah]:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Tiada daya [bagi menahan/menjauhkan diri dari maksiat] dan kekuatan [bagi melakukan ketaatan] melainkan dengan [kurniaan] Allah.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 4204, 6384, 6409 & 7386; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2705 & 2706 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 3374 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ) & No. 3461 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3824; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 19138, 19142, 19167, 19169 & 19313; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 804 dan lain-lain.[Status: Ṣaḥīḥ]

---

Al-Imām al-Nawawī (w.676H) berkata di dalam “Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim”:

وَمَعْنَى الْكَثْرِ هُنَا: أَنَّهُ ثَوَابٌ مُدْخَرٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهُوَ ثَوَابٌ نَفِيسٌ، كَمَا أَنَّ الْكَثْرَ  
أَنْفَسُ أَمْوَالِكُمْ

“Makna *al-kanz* (harta terpendam/tersimpan; perbendaharaan) [bagi zikir *hawqalah* ini] ialah pahalanya itu tersimpan di syurga, dan ia adalah pahala yang sangat bernilai tinggi, sepertimana harta terpendam/ tersimpan itu adalah merupakan harta kamu yang paling bernilai tinggi [di dunia ini, maka begitulah perumpamaan yang diberikan oleh Baginda ﷺ].”



## 12.1: Perbanyakkan Zikir *Ḥawqalah*

عَنْ حَازِمِ بْنِ حَرْمَلَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:  
مَرَرْتُ بِالنَّبِيِّ ﷺ فَقَالَ لِي: « يَا حَازِمُ، أَكْثِرْ مِنْ قَوْلٍ: لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ،  
فَإِنَّهَا مِنْ كُنُوزِ الْجَنَّةِ »

Daripada Ḥāzim bin Ḥarmalah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“[Pernah pada satu ketika,] aku telah lalu berdekatan dengan Baginda Nabi ﷺ, maka Baginda ﷺ bersabda kepadaku:

“Wahai Ḥāzim! Perbanyakkanlah ucapan:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah”,

sesungguhnya ia adalah dari perbendaharaan-perbendaharaan (/ganjaran yang paling berharga di) syurga [kelak].”

T: (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3826 [Lafaz di atas] [Pada sanadnya Abū Zaynab Mawlā Ḥāzim bin Ḥarmalah]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 3565; (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 1284; (al-Mizzī (742H): Tahdzīb al-Kamāl); (al-Ṭabarānī (360H): al-Du‘ā) dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ li ghayrih]

## Hadith 13: Zikir Tasbih bersama Tahmid Menumbuhkan Pohon Di Syurga

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
« مَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ، غُرِسَتْ لَهُ نَخْلَةٌ فِي الْجَنَّةِ »

Daripada Jābir رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

“Barang siapa yang mengucapkan:

سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ وَبِحَمْدِهِ

“Maha suci Allah [daripada segala kekurangan], Yang Maha Agung, dengan segala kepujian bagi-Nya [yang memiliki segala kesempurnaan dan memberi segala kurniaan],”

maka akan ditanam sepohon kurma baginya di syurga.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3464 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: ( هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ صَحِيحٌ، لَا ( نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ حَدِيثِ أَبِي الزُّبَيْرِ، عَنْ جَابِرٍ & No. 3465 dan beliau berkata: ( هَذَا ( حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 826 & 827; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn), No. 1780 dan beliau berkata: ( هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ) & 1820; (al-Nasā‘ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 10590; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 2233 dan lain-lain. [Status: Ḥasan atau Ṣaḥīḥ]

## Hadith 14: Satu (1) Huruf Al-Quran Yang Dibaca Memberikan Sepuluh (10) Pahala Kebajikan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، لَا أَقُولُ الْمَ حَرْفٌ، وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مٌ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang membaca satu huruf daripada Kitab Allah (al-Quran), maka baginya satu (1) pahala kebajikan. Dan setiap pahala kebajikan diberikan sepuluh (10) kali ganda seumpamanya.

Aku tidak mengatakan bahawa (الم) itu adalah satu huruf, akan tetapi Alif (ا) itu adalah satu huruf, Lām (ل) itu adalah satu huruf dan Mīm (م) itu adalah satu huruf.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 2910 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا); (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Awsaṭ), No. 7574; (al-Bayhaqī (458H): Shu‘ab al-Imān), No. 1983 & 1984; (al-Bukhārī (256H): al-Tārīkh al-Kabīr), No. 679 dan lain-lain.

## Hadith 15: Surah al-Fatihah adalah Surah Yang Paling Agung di dalam al-Qur'an

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ بْنِ الْمُعَلَّى رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« أَلَا أَعْلَمُكُمْ أَعْظَمَ سُورَةٍ فِي الْقُرْآنِ قَبْلَ أَنْ تَخْرُجَ مِنَ الْمَسْجِدِ » ، فَأَخَذَ بِيَدِي  
فَلَمَّا أَرَدْنَا أَنْ نَخْرُجَ، قُلْتُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ قُلْتَ لِأَعْلَمَنَّكَ أَعْظَمَ سُورَةٍ مِنَ  
الْقُرْآنِ، قَالَ: « الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، هِيَ السَّبْعُ الْمَثَانِي، وَالْقُرْآنُ الْعَظِيمُ  
الَّذِي أُوتِيَتْهُ »

Daripada Abu Sa' id bin al-Mu' alla رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidakkah engkau mahu untuk aku ajarkan dikau surah yang paling agung di dalam al-Quran sebelum engkau keluar daripada masjid?!,”.

Lalu Baginda ﷺ pun memegang tanganku, dan apabila kami mahu keluar [dari masjid], aku berkata: “Wahai Rasulullah, sesungguhnya Tuan telah bersabda: Aku akan ajarkan dikau surah yang paling agung di dalam al-Qur'an.”

Baginda ﷺ lantas bersabda:

“(الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ)” “Surah al-Fatihah”, ia adalah *al-Sab' al-Mathānī*, dan ia adalah al-Qur'an yang agung, yang telah dikurniakan kepadaku.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 4703 & 5006 [Lafaz di atas]; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3785; (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 1492; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No.

17395; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 777 dan lain-lain.  
[Status: Ṣaḥīḥ]

---

### 15.1: Wirid Surah al-Fatihah Seratus (100) Kali Setiap Hari

Menurut al-Ḥabīb ‘Alī bin Ḥasan al-‘Aṭṭās (w.1172H) di dalam kitabnya “al-‘Aṭiyyah al-Haniyyah wa al-Waṣiyyah al-Marḍiyyah”, muka surat: 24-25, al-Imām al-Mujaddid [kurun ke-5] Ḥujjat al-Islām Abū Ḥāmid Muḥammad al-Ghazālī (w.505H) menganjurkan agar kita menjadikan Surah al-Fātiḥah sebagai wirid harian sebanyak seratus (100) kali sehari seperti berikut:

| Bil. | Selepas Solat | Kekerapan |
|------|---------------|-----------|
| 1    | Subuh         | 21 kali   |
| 2    | Zohor         | 22 kali   |
| 3    | Asar          | 23 kali   |
| 4    | Maghrib       | 24 kali   |
| 5    | Isyak         | 10 kali   |
|      | Jumlah        | 100 kali  |

## Hadith 16: Membaca Ayat al-Kursi Selepas Solat Fardu: Disegerakan Masuk ke Syurga

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« مَنْ قَرَأَ آيَةَ الْكُرْسِيِّ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ لَمْ يَمْنَعْهُ مِنْ دُخُولِ الْجَنَّةِ إِلَّا أَنْ يَمُوتَ »

Daripada Abū Umāmah al-Bāhilī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang membaca ayat al-Kursi pada akhir setiap solat fardu (selepas selesai melakukannya), tidak ada apa yang menghalangnya daripada masuk ke syurga kecuali maut.”

T: (al-Nasā'ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 9848 [Lafaz di atas]; (al-Rūyānī (307H): Musnad al-Rūyānī), No. 1268; (al-Ṭabarānī (360H): Musnad al-Shāmiyyīn), No. 824; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu'jam al-Awsaṭ), No. 8068; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu'jam al-Kabīr), No. 7532; (al-Ṭabarānī (360H): al-Du'ā'), No. 675; (al-Shajari (499H): al-Amali al-Khamisiyyah), No. 374; (Ibn Hajar al-'Asqalānī (852H): Ithāf al-Maharah bi al-Fawā'id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-'Asharah), No. 6255; (Ibn al-Sunnī (364H): 'Amal al-Yawm wa al-Laylah), No. 124 & 125 dan lain-lain. [Status: Ḥasan]

---

 Al-Imām al-Suyūṭī (w.911H) meletakkan hadith ini di bawah tajuk: “*Amalan-Amalan Yang Mewajibkan Pengamalannya Disegerakan Masuk Ke Syurga Setelah Wafat*” di dalam kitabnya “Sharḥ al-Ṣuḍūr”. Hadith ini juga mempunyai *shawāhid* melalui jalan riwayat Saidina ‘Alī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan al-Ṣalsāl bin al-Dalhamas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ.

## Hadith 17: Kelebihan Dua Ayat Terakhir Surah Al-Baqarah: Memberi Kecukupan Ibadah Qiyāmullayl dan Pemeliharaan daripada Musibah dan Syaitan

عَنْ أَبِي مَسْعُودٍ الْبَدْرِيِّ الْأَنْصَارِيِّ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
«الْأَيَّتَانِ مِنْ آخِرِ سُورَةِ الْبَقَرَةِ مَنْ قَرَأَهُمَا فِي لَيْلَةٍ كَفَتَاهُ»

Daripada Abū Mas‘ūd al-Badrī al-Anṣārī رضي الله عنه, beliau berkata:  
Rasulullah ﷺ bersabda:

“Dua ayat daripada akhir surah al-Baqarah (ayat 285 & 286), barang siapa yang membaca kedua-duanya pada suatu malam, maka ia memberikan kecukupan kepadanya.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 4008 [Lafaz di atas], 5010 & 5040; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 810 & 811; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 2881 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 1397; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 1368 & 1369 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ Muttafaq ‘Alayh]

---

📖 Al-Imām Muḥyī al-Dīn al-Nawawī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.676H) menyebut di dalam “al-Minhāj fī Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim ibn al-Ḥajjāj”:

قِيلَ: مَعْنَاهُ كَفَتَاهُ مِنْ قِيَامِ اللَّيْلِ وَقِيلَ: مِنَ الشَّيْطَانِ، وَقِيلَ: مِنَ الْآفَاتِ، وَيَحْتَمِلُ  
مِنْ الْجَمِيعِ

“Qīl: maknanya ialah kedua-dua ayat ini mencukupkan [pembaca]nya daripada qiyāmullayl, dan qīl: [memeliharanya] daripada syaitan, dan qīl: [memeliharanya] daripada musibah yang membinasakan/ merosakkan.

Dan mungkin juga [maknanya] membawa keseluruhan pengertian tersebut.”

📖 Manakala di dalam “Al-Adzkār al-Nawawiyyah” (No. 498), beliau berkata:

اِخْتَلَفَ الْعُلَمَاءُ فِي مَعْنَى «كَفَّاهُ» فَقِيلَ: كَفَّاهُ مِنَ الْآفَاتِ فِي كُلِّ لَيْلَتِهِ، وَقِيلَ: كَفَّاهُ مِنْ قِيَامِ لَيْلَتِهِ. قُلْتُ: وَيَجُوزُ أَنْ يُرَادَ الْأَمْرَانِ

“Para ulama’ berbeza pandangan tentang makna “Kedua-dua ayat ini memberi [pembaca]nya kecukupan”, maka:

*Q1l*: Kedua-dua ayat ini memelihara [pembaca]nya daripada musibah yang membinasakan pada setiap malam [pembacaan]nya.

Dan *q1l*: Kedua-dua ayat ini mencukupkan [pembaca]nya daripada qiyāmullayl pada malam [pembacaan]nya.”

Untuk perbincangan yang lebih terperinci, pembaca boleh merujuk penerangan yang dibuat oleh Imam al-Ḥafīẓ Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī al-Shāfi‘ī al-Ash‘arī (w.852H) di dalam “Fatḥh al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”.



## Hadith 18: Surah al-Ikhlāṣ Menyamai Satu Pertiga Al-Quran

عَنْ أَبِي الدَّرْدَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
«أَيَعْجِزُ أَحَدُكُمْ أَنْ يَقْرَأَ فِي لَيْلَةٍ ثُلُثَ الْقُرْآنِ؟»، قَالُوا: وَكَيْفَ يَقْرَأُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ؟،  
قَالَ: «﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾ تَعْدِلُ ثُلُثَ الْقُرْآنِ»

Daripada Abū al-Dardā' (‘Uwaymir bin Mālik al-Anṣārī) رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

“Adakah ada seseorang daripada kamu yang lemah daripada membaca satu pertiga al-Quran pada suatu malam?”.

Mereka (para Sahabat رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ) berkata: “Bagaimanakah seseorang itu [mampu] membaca satu pertiga al-Quran [dalam satu malam]?”.

Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda: “﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ﴾ (Surah al-Ikhlāṣ)

menyamai satu pertiga al-Quran.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 813 [Lafaz di atas]; (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 3431; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 21196, 26948, 26951 & 26974; (Abū ‘Awānah (316H): Mustakhraj Abī ‘Awānah), No. 3942 & 3944 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

Hadith ini juga mempunyai *shawāhid* yang sangat banyak daripada riwayat Saidina ‘Alī bin Abū Ṭālib رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, ‘Abdullāh Ibnu ‘Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, ‘Abdullāh Ibnu ‘Abbās رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, ‘Abdullah Ibnu ‘Amr رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū Ayyūb al-Anṣārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū Sa‘īd al-Khudrī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū Mas‘ūd al-Anṣārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Ubayy bin Ka‘b رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, al-Nu‘mān bin Bashīr رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Mu‘adz bin Jabal رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Anas bin Mālik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Sa‘d bin Abū Waqqāṣ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Jābir bin ‘Abdullāh رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Qatādah bin al-Nu‘mān رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Ka‘b bin ‘Ujrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan Ummu Kulthūm رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا.



## KEAMPUNAN DOSA



## Hadith 19: Pahala Bagi Setiap Satu Langkah bagi Orang Yang Berwuduk di Rumahnya dan Pergi ke Masjid bagi Menunaikan Solat Fardu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللَّهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللَّهِ، كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً، وَالْأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً »

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang bersuci (berwuduk) di rumahnya, kemudian dia berjalan menuju ke sebuah rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid) bagi menunaikan satu kefarduan [solat] daripada kefarduan-kefarduan [solat yang diperintahkan] Allah ﷻ, [maka] langkah-langkahnya itu, salah satunya menghapuskan satu kesalahan dan [satu langkah] yang lain pula mengangkat satu darjat [di sisi Allah].”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 669 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 603; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 281 & 774; (Ibn Khuzaymah (311H): Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1422; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 2044 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 20: Mengambil Wuduk Dengan Sempurna, Berjalan Menuju ke Masjid dan Solat Berjemaah Merupakan Sebab Keampunan Dosa

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ رضي الله عنه، أَنَّهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:  
« مَنْ تَوَضَّأَ فَأَسْبَغَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ مَشَى إِلَى صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ فَصَلَّاهَا مَعَ الْإِمَامِ، غُفِرَ  
لَهُ ذَنْبُهُ »

Daripada Sayyidina ‘Uthmān bin ‘Affān رضي الله عنه, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang mengambil wuduk, dan dia melakukannya dengan sempurna.

Kemudian, dia berjalan menuju [ke masjid] bagi mengerjakan solat fardu dan dia melakukannya bersama imam [secara berjemaah].

Maka, diampunkan baginya dosanya.”

T: (Ibn Khuzaymah (311H): Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1407 [Lafaz di atas].

---

 Melakukan solat fardu berjemaah di masjid dan surau, di mana azan dilaungkan, adalah amalan yang menghimpunkan begitu banyak kebaikan. Seseorang yang melakukannya bagi kelima-lima solat fardu dengan menjaga adab-adabnya seolah-olah telah memenuhi seluruh harinya dengan limpahan-limpahan kebaikan dan amalan soleh.

## Hadith 21: Doa Selepas Azan: Syahadah Tauhid dan *Taṣdīq* serta Zikir *Taraḍḍī* Ketika atau Selepas Lafaz Azan Menggugurkan Dosa

عَنْ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ رضي الله عنه، عَنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:

« مَنْ قَالَ حِينَ يَسْمَعُ الْمُؤَذِّنَ: [وَأَنَا] أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، غُفِرَ لَهُ ذَنْبُهُ »

Daripada Sa'd bin Abū Waqqāṣ رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang mengucapkan [zikir berikut] ketika mendengar muazzin [melaungkan lafaz tashahhud di pertengahan azan <sup>pandangan (i)</sup> atau lafaz tahlil di akhir azan <sup>pandangan (ii)</sup>]:

[وَأَنَا] أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِمُحَمَّدٍ رَسُولًا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا

“[Dan] Aku [juga] bersaksi bahawa sesungguhnya tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, hanya Dialah semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya, dan sesungguhnya [Nabi] Muhammad ﷺ itu adalah hamba-Nya dan rasul-Nya. Aku reda dengan Allah sebagai tuhan, dan dengan [Nabi] Muhammad ﷺ sebagai rasul dan dengan Islam sebagai agama,”

maka diampunkan baginya dosanya.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 389 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No.

210 dan beliau berkata: (وَهَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ غَرِيبٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 525; (al-Nasā'ī (303H): al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 679; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 721 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 22: Menyebut “Āmīn” bersama Imam dan Para Malaikat di dalam Solat Berjemaah

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:  
« إِذَا قَالَ: الْإِمَامُ: ﴿ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴾ فَقُولُوا: آمِينَ، فَإِنَّهُ  
مَنْ وَافَقَ قَوْلَهُ قَوْلَ الْمَلَائِكَةِ غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Apabila Imam menyebut:

﴿ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ﴾

“.. bukan [jalan] orang-orang yang Engkau telah murkai, dan bukan pula [jalan] orang-orang yang sesat.”

Maka, ucapkanlah:

آمِينَ

“Ya Allah, terimalah/perkenankanlah.”

Sesungguhnya barang siapa yang bersepakat ucapan [amin]nya dengan ucapan para malaikat, maka diberi keampunan buatnya bagi apa yang telah terdahulu daripada dosanya.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 780, 781 782 [Lafaz di atas], 4475 & 6402; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 410, 411 & 142 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 23: Fadilat Zikir “Tahlīl, Takbīr dan Ḥawqalah” Yang Digabungkan: Menghapuskan Dosa Walaupun Sebanyak Buih di Lautan

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

« مَا عَلَى الْأَرْضِ أَحَدٌ يَقُولُ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، إِلَّا كُفِّرَتْ عَنْهُ خَطَايَاهُ وَلَوْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Amr رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada seorang pun di atas muka bumi ini yang menyebut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

“Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, dan Allah itu Maha Besar [keagungan-Nya/ kemuliaan-Nya], dan tiada daya dan kekuatan melainkan dengan Allah,”

melainkan akan dihapuskan daripadanya dosa-dosanya walaupun sebanyak buih-buih di lautan.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3460 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Ahmad (241H): al-Musnad), No. 6299 dan lafaz zikirnya: ( لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، ) (وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ 6784 dan lafaz zikirnya: ( لَا إِلَهَ إِلَّا ) & 6797; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Sahīḥayn), No. 1786 dan lafaz zikirnya: ( لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ ) (al-Nasā’ī



(303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 10589 dan lafaz zikirnya: ( لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، )  
(وَاللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ) dan lain-lain. [Status: Ḥasan]

## Hadith 24: Tasbih bersama Tahmid ﴿سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ﴾

### Seratus (100) Kali Sehari Menghapuskan Dosa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ:  
« مَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ، حُطَّتْ خَطَايَاهُ، وَإِنْ كَانَتْ  
مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa  
sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa menyebut:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ

“Maha Suci Allah [daripada segala kekurangan], dengan [segala]  
pujian bagi-Nya [yang memiliki segala kesempurnaan (*kamāl*)  
dan memberi segala kurniaan (*ihsān*)],

pada satu hari sebanyak seratus (100) kali, maka dosa-dosanya  
akan digugurkan, walaupun ia adalah [banyak] seperti buih-buih  
lautan.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No.6405 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3466 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ) & 3468; (al-Nasā’ī (303H): al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 1354; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3812; (Mālik (179H): al-Muwatta‘a’ - Riwayat Yahya al-Laythi), No. 487; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 7949 & 10305 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 25: Al-Bāqiyāt al-Ṣāliḥāt: Zikir “al-Bāqiyāt al-Ṣāliḥāt” Menggugurkan Dosa-Dosa

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ أَخَذَ غُصْنًا، فَفَضَّضَهُ، فَلَمْ يَتَفَضَّضْ، ثُمَّ نَفَضَهُ، فَلَمْ يَتَفَضَّضْ، ثُمَّ نَفَضَهُ، فَانْتَفَضَّ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: « إِنَّ سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، تَنْفُضُ الْخَطَايَا كَمَا تَنْفُضُ الشَّجَرَةَ وَرَقَهَا »

Daripada Anas [bin Mālik] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa:

Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah mengambil sebatang dahan pokok, lalu Baginda ﷺ menggoyangkannya [agar gugur daun-daunnya], akan tetapi daun-daunnya masih belum gugur. Kemudian Baginda ﷺ menggoyangkannya lagi, akan tetapi daun-daunnya masih juga belum gugur. Lalu Baginda ﷺ menggoyangkannya sekali lagi, dan gugurlah kesemua daun-daunnya.

Maka Rasulullah ﷺ pun bersabda: “Sesungguhnya [ucapan zikir]:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

|                            |                                                                                 |
|----------------------------|---------------------------------------------------------------------------------|
| <i>Subḥānallah</i>         | Maha suci Allah [daripada segala kekurangan]                                    |
| <i>Alḥamdulillāh</i>       | Segala pujian hanyalah bagi Allah [yang memiliki segala kesempurnaan dan ihsan] |
| <i>Lā ilāha illā Allāh</i> | Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah                              |

|                     |                                                 |
|---------------------|-------------------------------------------------|
| <i>Allāhu Akbar</i> | Allah Maha Besar [kemuliaan dan keagungan-Nya], |
|---------------------|-------------------------------------------------|

menggugurkan dosa-dosa sepertimana dahan pokok ini menggugurkan daunnya.”

T: (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 12125 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H): al-Adab al-Mufrad), No. 634. Sanadnya baik; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3533; (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 6454; (al-Ṭabarānī (360H): al-Du‘ā’), No. 1688 & 1689 dan lain-lain. [Status: Ḥasan]

## 25.1: Tasbih, Tahmid, Tahlil dan Takbir adalah Kalam Pilihan Allah ﷻ

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ وَأَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنهما، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: «إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَى مِنَ الْكَلَامِ أَرْبَعًا: سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ، فَمَنْ قَالَ: سُبْحَانَ اللَّهِ، كَتَبَ اللَّهُ لَهُ عَشْرِينَ حَسَنَةً، أَوْ حُطَّ عَنْهُ عَشْرِينَ سَيِّئَةً، وَمَنْ قَالَ: اللَّهُ أَكْبَرُ، فَمِثْلُ ذَلِكَ، وَمَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَمِثْلُ ذَلِكَ، وَمَنْ قَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، مِنْ قَبْلِ نَفْسِهِ، كُتِبَتْ لَهُ ثَلَاثُونَ حَسَنَةً وَحُطَّ عَنْهُ ثَلَاثُونَ سَيِّئَةً»

Daripada Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurayrah رضي الله عنهما, mereka berdua meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya Allah telah memilih empat (kalimah) daripada (seluruh) kalam (kata-kata, iaitu):

سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ

“Maha suci Allah (daripada segala kekurangan); dan Segala pujian hanyalah bagi Allah (yang memiliki segala kemuliaan, keagungan dan keindahan); dan Tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan Allah Maha Besar (kemuliaan dan keagungan-Nya).”

Barang siapa yang mengucapkan: *Subhānallāh*, Allah menulis baginya dua puluh (20) kebaikan atau menggugurkan darinya dua puluh (20) kejahatan (dosa).

Dan barang siapa yang mengucapkan: *Allāhu Akbar*, maka (dia akan mendapat) seperti itu.

Dan barang siapa yang mengucapkan: *Lā ilāha illā Allāh*, maka (dia akan mendapat) seperti itu.

Dan barang siapa yang mengucapkan: *Al-Ḥamdu lillāhi rabbil ‘ālamīn*, [ikhlas] daripada dirinya, dituliskan baginya tiga puluh (30) kebaikan dan digugurkan daripadanya tiga puluh (30) kejahatan (dosa).”

T: (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 7950 [Lafaz di atas], 8032, 10911 & 10934; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1818 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ); (al-Haythamī (807H): Kashf al-Astār ‘an Zawā’id al-Bazzār), No. 3070 dan beliau berkata: (قَالَ الْبَرَاءُ: لَا نَعْلَمُهُ يُرْوَى إِلَّا بِهَذَا الْإِسْنَادِ، وَأَبُو صَالِحٍ الْحَنْفِيُّ، اسْمُهُ: مَا هَانُ، وَلَا نَعْلَمُ) (رَوَى عَنْهُ إِلَّا أَبُو سِنَانٍ، وَهُوَ عَبْدٌ ثَقَّةٌ); (Ibn Abi Shaybah (235H): Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 292243; (al-Ṭabarānī (360H): al-Du‘ā’), No. 1681; (al-Mizzī (742H): Tahdzīb al-Kamāl), No. 1955; (Ibn ‘Abd al-Barr (463H): al-Tamhīd), No. 929; (al-Bayhaqī (458H): al-Da‘awāt/ al-Da‘wāt al-Kabīr), No. 115 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

---

 Hadith ini menjadi dalil bagi tuntutan memperbanyakkan zikrullah dengan lafaz-lafaz yang dipilih oleh Allah ini dan lafaz-lafaz ini merupakan jalan terbaik untuk seseorang hamba mendekatkan dirinya kepada Allah. Dengan pahala yang besar dan kalimah yang begitu ringkas, maka lafaz-lafaz zikrullah ini patut menjadi medan perlumbaan bagi mereka yang bersungguh-sungguh mencari keredaan Allah dan syurga-Nya.

## Hadith 26: Zikir Tahmid Selepas Makan Yang Menggugurkan Dosa

عَنْ مُعَاذِ بْنِ أَنَسٍ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :  
« مَنْ أَكَلَ طَعَامًا فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ  
مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ »

Daripada Mu'ādz bin Anas al-Anṣārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang telah makan satu makanan, lalu dia berkata:

« الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَطْعَمَنِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ »

Segala puji bagi Allah yang telah memberikan daku makan makanan ini, dan mengurniakannya kepadaku tanpa ada sebarang daya dan kekuatan daripada diriku,

maka diampunkan baginya apa yang telah terdahulu daripada dosanya.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3458 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 4023; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3285; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 15205; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1802 & 7471; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 1488 & 1498 dan lain-lain.

## Hadith 27: Zikir Tahmid Ketika Memakai Pakaian Yang Menghapuskan Dosa

عَنْ مُعَاذِ بْنِ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« مَنْ لَبَسَ ثَوْبًا، فَقَالَ: الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ »

Daripada Mu'ādz bin Anas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang memakai suatu pakaian, maka dia mengucapkan:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي كَسَانِي هَذَا وَرَزَقَنِيهِ مِنْ غَيْرِ حَوْلٍ مِنِّي وَلَا قُوَّةٍ

“Segala puji bagi Allah yang telah memakaikan daku pakaian ini, dan mengurniakannya kepadaku tanpa ada sebarang daya dan kekuatan daripada diriku,”

maka diampunkan baginya apa yang telah terdahulu daripada dosanya.”

T: (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 2690 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): Musnad al-Shāmiyyīn), No. 242; (al-Ṭabarānī (360H): al-Du‘ā'), No. 396; (Ibn al-Sunnī (364H): ‘Amal al-Yawm wa al-Laylah), No. 272 & (al-Bayhaqī (458H): al-Da‘awāt/ al-Da‘wāt al-Kabīr), No. 410. [Hadith da‘if boleh diamalkan di dalam bab fadilat amalan di sisi majoriti ulama’]



## Hadith 28: Seratus (100) Zikrullah Selepas Solat Fardu Yang Menghapuskan Dosa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ:

« مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِي دُبُرِ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَحَمِدَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، وَكَبَّرَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ، فَتِلْكَ تِسْعَةٌ وَتِسْعُونَ، وَقَالَ تَمَامَ الْمِائَةِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، غُفِرَتْ خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang:

[1] Bertasbih (*Subhānallāh*) kepada Allah, pada setiap kali selesai solat (fardu), sebanyak tiga puluh tiga (33) kali, dan

[2] Memuji Allah (*Alḥamdulillāh*) sebanyak tiga puluh tiga (33) kali, dan

[3] Bertakbir (*Allāhu Akbar*) sebanyak tiga puluh tiga (33) kali, maka itu adalah sebanyak sembilan puluh sembilan (99) kali, serta

[4] Dia berkata pada kali yang ke-seratus:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحَدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, hanyalah Dia semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya, hanya bagi-Nya segala kepujian, dan Dialah yang berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu”;

maka akan diampunkan baginya dosa-dosanya, walaupun sebanyak buih-buih di lautan.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 600 [Lafaz di atas] & 597; (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 1353; (Mālik (179H): al-Muwaṭṭa’ - Riwayat Yahya al-Laythi), No. 487 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

 Maka, jangan tinggalkan zikir berikut selepas setiap kali solat fardu:

| Bil.   | Zikrullah                                                                                                                 | Kekerapan |
|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------|
| 1.     | سُبْحَانَ اللَّهِ                                                                                                         | 33 kali   |
| 2.     | الْحَمْدُ لِلَّهِ                                                                                                         | 33 kali   |
| 3.     | اللَّهُ أَكْبَرُ                                                                                                          | 33 kali   |
| 4.     | لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ | 1 kali    |
| Jumlah |                                                                                                                           | 100 kali  |

## Hadith 29: Fadilat Membaca Yāsīn pada Waktu Malam: Mendapat Keampunan daripada Allah ﷻ

عَنْ جُنْدُبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« مَنْ قَرَأَ يُسَ فِي لَيْلَةٍ ابْتِغَاءً وَجْهَ اللَّهِ غُفِرَ لَهُ »

Daripada Jundub [bin ‘Abdullāh al-Bajlī] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:  
Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang membaca surah **Yāsīn** pada **waktu malam** kerana mencari keredaan Allah, maka dia akan diberi keampunan [oleh Allah ﷻ].”

T: (Ibn Hibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān), No. 2574 [Lafaz di atas]  
[Status: Ṣaḥīḥ - Sanadnya bersambung dan para perawinya thiqah]

\*(al-Mundzirī (656H): al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Ḥadīth al-Sharīf),  
No. 2264, Jilid 2/4, p. 2 dan beliau berkata: ( رَوَاهُ مَالِكُ وَابْنُ السَّنِيِّ وَابْنُ حَبَّانٍ فِي )  
(صَحِيحِهِ).

S: Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan Ibnu Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ.

---

 Lafaz “لَيْلَةٍ” datang dalam bentuk *nakirah* yang memberi makna umum meliputi setiap malam tanpa pengecualian, termasuk malam Jumaat.

### Hadith 30: Tahlīl Kāmil, (ii) Hawqalah dan (iii) Al-Bāqiyāt Al-Ṣāliḥāt Sebelum Masuk Tidur Menghapuskan Dosa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:  
« مَنْ قَالَ حِينَ يَأْوِي إِلَى فِرَاشِهِ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ  
الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ، سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ  
وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، غُفِرَ اللَّهُ ذُنُوبُهُ / خَطَايَاهُ وَإِنْ كَانَ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

“Barang siapa yang mengucapkan [zikir berikut] ketika dia pergi ke tempat tidurnya:

[Tahlīl Kāmil]

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

[Hawqalah]

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

[al-Bāqiyāt al-Ṣāliḥāt]

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ

maka Allah akan mengampunkan dosa-dosanya/ kesalahan-kesalahannya walaupun [banyak] seperti buih-buih di lautan.”

T:(Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 5644 [Lafaz di atas]; (Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī (430H): Akhbār Asbahān), No. 892; (Ibn ‘Asākir (571H): Tārīkh Dimashq), No. 57754 & (Ibn al-Sunnī (364H): ‘Amal al-Yawm wa al-Laylah), No. 724.

## Hadith 31: Istighfar dan Taubat Yang Menghapuskan Dosa

عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« مَنْ قَالَ: أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، وَاتَّوْبُ إِلَيْهِ  
ثَلَاثًا، غُفِرَتْ لَهُ ذُنُوبُهُ، وَإِنْ كَانَ فَارًّا مِنَ الزَّحْفِ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang mengucapkan:

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ، وَاتَّوْبُ إِلَيْهِ

“Aku memohon keampunan daripada Allah, Yang Maha Agung, yang tiada tuhan [berhak disembah] melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi Maha Wujud dengan Sendiri-Nya/ Terus-Menerus Menguruskan makhluk-Nya, dan aku bertaubat kepada-Nya [daripada segala dosa],”

sebanyak tiga (3) kali, maka diampunkan baginya dosa-dosanya walaupun dia pernah lari daripada medan pertempuran jihad yang wajib.”

T: (al-Hākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Sahīḥayn), No. 1816 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ، وَلَمْ يُخْرَجَاهُ) & 2479 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ، وَلَمْ يُخْرَجَاهُ) dan (al-Bayhaqī (458H): al-Da‘awāt/ al-Da‘wāt al-Kabīr), No. 132.

S: Abū ‘Abd al-Raḥmān al-Juhanī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ (Berlaku perbezaan di kalangan para ulama’ tentang kedudukan beliau sebagai Sahabat Rasulullah ﷺ); Zayd Abū Yasār رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Mawlā al-Nabī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ; Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan Anas bin Mālik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ.

**Hadith 32: Istighfar Sebelum Tidur: Istighfar bersama Tahlil dan Taubat dengan Tiga Nama Allah [al-‘Azīm, al-Ḥayy dan al-Qayyūm] Sebanyak Tiga (3) Kali Sebelum Tidur Menghapuskan Dosa**

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:  
« مَنْ قَالَ حِينَ يَأْوِي إِلَى فِرَاشِهِ: أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ  
الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ، ثَلَاثَ مَرَّاتٍ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَهُ، وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ،  
وَإِنْ كَانَتْ عَدَدَ وَرَقِ الشَّجَرِ، وَإِنْ كَانَتْ عَدَدَ رَمْلِ عَالِجٍ وَإِنْ كَانَتْ عَدَدَ أَيَّامِ  
الدُّنْيَا »

Daripada Abū Sa‘īd [al-Khudrī] رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang mengucapkan [zikir berikut] ketika dia pergi ke tempat tidurnya:

[Istighfar bersama Tahlil dan Taubat dengan tiga nama Allah:  
al-‘Azīm, al-Ḥayy dan al-Qayyūm]

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ الَّذِي لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ وَأَتُوبُ إِلَيْهِ

“Aku memohon keampunan Allah, Yang Maha Agung, yang tiada tuhan [berhak disembah] melainkan Dia, Yang Maha Hidup lagi Maha Wujud dengan Sendiri-Nya/ Terus-Menerus Menguruskan makhluk-Nya, dan aku bertaubat kepada-Nya [daripada segala dosa],”

sebanyak tiga (3) kali, maka Allah akan mengampunkan dosa-dosanya, walaupun ia [banyak] seperti buih-buih di lautan, dan

walaupun ia sebanyak bilangan daun-daun pokok, dan walaupun ia sebanyak butiran padang pasir, dan walaupun ia sebanyak hari-hari dunia ini.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3397 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 10690; (Abū Ya‘lā al-Mawṣilī (307H): Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī), No. 1339; (al-Bayhaqī (458H): al-Asma' wa al-Sifat), No. 214 dan beliau berkata: (وَقَدْ مَضَى بِإِسْنَادٍ آخَرَ أَصَحَّ مِنْ هَذَا وَرُوَيْنَاهُ) & (al-Baghawī (516H): Sharḥ al-Sunnah), No. 1320 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ).

### Hadith 33: Majlis Zikrullah adalah Majlis Pengampunan Allah ﷻ dengan Persaksian Para Malaikat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

« إِنَّ اللَّهَ مَلَائِكَةٌ يَطُوفُونَ فِي الطُّرُقِ يَلْتَمِسُونَ أَهْلَ الذِّكْرِ، فَإِذَا وَجَدُوا قَوْمًا يَذْكُرُونَ اللَّهَ تَنَادَوْا: هَلُمُّوا إِلَى حَاجَتِكُمْ، قَالَ: فَيُحْفَوْنَهُمْ بِأَجْنَحَتِهِمْ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا، قَالَ: فَيَسْأَلُهُمْ رَبُّهُمْ وَهُوَ أَعْلَمُ مِنْهُمْ مَا يَقُولُ عِبَادِي؟ قَالُوا: يَقُولُونَ: يَسْبِّحُونَكَ، وَيُكَبِّرُونَكَ، وَيُحَمِّدُونَكَ، وَيُمَجِّدُونَكَ، قَالَ: فَيَقُولُ: هَلْ رَأَوْنِي؟ قَالَ: فَيَقُولُونَ: لَا وَاللَّهِ مَا رَأَوْكَ، قَالَ: فَيَقُولُ: وَكَيْفَ لَوْ رَأَوْنِي؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ رَأَوْكَ كَانُوا أَشَدَّ لَكَ عِبَادَةً، وَأَشَدَّ لَكَ تَمَجُّدًا، وَتَحْمِيدًا، وَأَكْثَرَ لَكَ تَسْبِيحًا، قَالَ: يَقُولُ: فَمَا يَسْأَلُونِي؟ قَالَ: يَسْأَلُونَكَ الْجَنَّةَ، قَالَ: يَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَا، وَاللَّهِ يَا رَبِّ مَا رَأَوْهَا، قَالَ: يَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ أَنَّهُمْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ أَنَّهُمْ رَأَوْهَا كَانُوا أَشَدَّ عَلَيْهَا حِرْصًا، وَأَشَدَّ لَهَا طَلَبًا، وَأَعْظَمَ فِيهَا رَغْبَةً، قَالَ: فَمِمَّ يَتَعَوَّدُونَ؟ قَالَ: يَقُولُونَ: مِنَ النَّارِ، قَالَ: يَقُولُ: وَهَلْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَا، وَاللَّهِ يَا رَبِّ مَا رَأَوْهَا، قَالَ: يَقُولُ: فَكَيْفَ لَوْ رَأَوْهَا؟ قَالَ: يَقُولُونَ: لَوْ رَأَوْهَا كَانُوا أَشَدَّ مِنْهَا فِرَارًا، وَأَشَدَّ لَهَا مَخَافَةً، قَالَ: فَيَقُولُ: فَأُشْهِدُكُمْ أَنِّي قَدْ غَفَرْتُ لَهُمْ، قَالَ: يَقُولُ: مَلَكٌ مِنَ الْمَلَائِكَةِ: فِيهِمْ فَلَانٌ لَيْسَ مِنْهُمْ إِنَّمَا جَاءَ لِحَاجَةٍ، قَالَ: هُمْ الْجُلَسَاءُ لَا يَشُقَّى بِهِمْ جَلِيسُهُمْ »

Daripada Abū Hurayrah رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya bagi Allah itu para malaikat yang sering berkelana di jalan-jalan kerana mencari-cari ahli-ahli zikir [di



bumi ini]. Apabila mereka menemui satu kaum (kumpulan manusia) yang sedang berzikir kepada Allah, maka mereka akan saling panggil memanggil: “Marilah kamu semua [para malaikat], datanglah kepada hajat kamu ini [kerana kamu diperintahkan untuk mencari majlis zikir di bumi ini].”

Baginda ﷺ bersabda: “Maka para malaikat itu akan meliputi mereka (kumpulan manusia yang berzikir tersebut) dengan sayap-sayap mereka sehingga ke langit dunia.”

Baginda ﷺ bersabda lagi: “Maka (Allah) Tuhan mereka pun berfirman kepada mereka (para malaikat) sedangkan Dia lebih mengetahui: “Apakah yang telah diucapkan oleh hamba-hamba-Ku?.”

Mereka menjawab: “Mereka sedang bertasbih kepada-Mu, bertakbir kepada-Mu, memanjatkan pujian kepada-Mu, dan mengagungkan-Mu.”

Maka Dia (Allah) berfirman: “Adakah mereka telah melihat Aku?.” Lalu mereka menjawab: “Tidak, Demi Allah, mereka belum pernah melihat-Mu.”

Dia (Allah) berfirman: “Bagaimanakah sekiranya mereka telah melihat-Ku?.”

Baginda ﷺ bersabda: Para malaikat menjawab: “Sekiranya mereka telah melihat-Mu, pastinya mereka akan lebih kuat beribadat kepada-Mu, dan akan lebih banyak mengagungkan-Mu, dan akan lebih banyak bertasbih kepada-Mu.”

Dia (Allah) berfirman: “Maka apakah yang mereka minta daripada-Ku?.”

Mereka menjawab: “Mereka meminta daripada-Mu syurga.”

Dia (Allah) berfirman: “Dan adakah mereka telah melihatnya?.”

Mereka menjawab: “Tidak, Demi Allah, wahai Tuhan kami, mereka belum pernah melihatnya.”

Dia (Allah) berfirman: “Maka bagaimanakah sekiranya mereka telah melihatnya?.”

Mereka menjawab: “Sekiranya mereka telah melihatnya, pasti mereka akan lebih bersungguh-sungguh untuk mendapatkannya, dan lebih kuat dalam mencarinya, dan lebih besar cinta mereka terhadapnya.”

Dia (Allah) berfirman: “Maka daripada apakah mereka meminta perlindungan?.” Mereka menjawab: “Daripada api neraka.”

Dia (Allah) berfirman: “Adakah mereka telah melihatnya?.”

Mereka menjawab: “Tidak, Demi Allah, wahai Tuhan kami, mereka belum pernah melihatnya.”

Dia (Allah) berfirman: “Bagaimanakah sekiranya mereka melihatnya?.”

Mereka menjawab: “Sekiranya mereka telah melihatnya pasti mereka akan lebih berusaha untuk menjauhkan diri mereka daripadanya, dan lebih kuat ketakutan mereka terhadapnya.”

Maka Dia (Allah) berfirman: “Maka [dengan ini], Aku (Allah) menjadikan kamu semua sebagai saksi bahawa sesungguhnya Aku telah mengampunkan mereka.”

Lalu satu malaikat daripada kalangan malaikat tersebut berkata: “Di dalam kumpulan mereka ini ada si fulan (seseorang) yang bukan daripada kalangan mereka (ahli zikir); [tetapi] dia

sebenarnya datang [ke dalam majlis zikir ini] kerana mempunyai sesuatu hajat [yang lain], [adakah dia juga diampunkan oleh-Mu]?”

Dia (Allah) berfirman: “[Dia juga diampunkan,] Mereka (orang yang berhimpun dan berzikir) adalah teman-teman duduk yang tidak akan sengsara sesiapa sahaja yang duduk bersama mereka.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6408 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2691; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3600; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 7376, 8489 & 8749; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 856 & 856 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

---

📖 Hadith qudsi ini adalah hadith yang *ṣaḥīḥ* sanadnya dan *ṣarīḥ* (jelas) maknanya bagi pensyariatan majlis zikrullah secara berjemaah. Bahkan, hadith ini juga memberikan isyarat kelebihan majlis zikrullah yang sangat luar biasa, iaitu majlis zikrullah ialah majlis perhimpunan para malaikat dan Allah ﷻ sendiri yang memuliakan ahli-ahli majlis zikrullah ini dengan mengaitkan mereka dengan nikmat melihat diri-Nya, melihat syurga dan neraka serta diikuti dengan perisytiharan pengampunan oleh-Nya buat ahli-ahli majlis zikrullah ini dan sesiapa yang hadir bersama mereka. Pengampunan yang diberikan ini pula disaksikan oleh para malaikat yang hadir. Sungguh luar biasa!!!

## Hadith 34: Keampunan Allah bagi Dua Orang Muslim Yang Bertemu dan Bersalaman

عَنِ الْبَرَاءِ بْنِ عَازِبٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَفْتَرَقَا »

Daripada al-Barā' bin 'Āzib رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidak ada dua orang muslim yang berjumpa, lalu mereka saling bersalaman, melainkan mereka berdua diberi keampunan [oleh Allah ﷻ] sebelum mereka berdua berpisah.”

T: (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 2727 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 5211 & 5212; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3703; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 18076, 18077, 18121 & 18224; (al-Bayhaqī (458H): al-Sunan al-Kubrā), No. 12571 & 12572 dan lain-lain.

### 34.1: Dosa-dosa Dua Orang Muslim Yang Bersalaman Ketika Bertemu Diampunkan oleh Allah ﷻ

عَنْ سَلْمَانَ الْفَارِسِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:  
« إِنَّ الْمُسْلِمَ إِذَا لَقِيَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ فَأَخَذَ بِيَدِهِ تَحَاتَّتْ عَنْهُمَا ذُنُوبُهُمَا، كَمَا تَتَحَاتُّ  
الْوَرَقُ مِنَ الشَّجَرَةِ الْيَابِسَةِ فِي يَوْمٍ رِيحٍ عَاصِفٍ، وَإِلَّا غُفِرَ لَهُمَا، وَلَوْ كَانَتْ  
ذُنُوبُهُمَا مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ »

Daripada Salmān al-Fārisī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa  
sesungguhnya Baginda Nabi ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya apabila seorang muslim bertemu dengan  
saudara muslimnya yang lain, lalu dia berjabat tangan [dengan  
saudaranya itu], maka berguguranlah dosa-dosa mereka berdua  
sepertimana daun berguguran dari pohon yang kering pada hari  
angin bertiup kencang.

Dan [tidaklah mereka melakukan sedemikian] melainkan mereka  
berdua diberi keampunan oleh Allah ﷻ, walaupun dosa-dosa  
mereka berdua sebanyak buih di lautan.”

T: (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 6150 [Lafaz di atas]  
& (al-Bayhaqī (458H): Shu‘ab al-Imān), No. 8950. [Status: Saḥīḥ atau  
Ḥasan]

\*(al-Haythamī (807H): Majma‘ al-Zawā'id wa Manba‘ al-Fawā'id), No.  
12771, Jilid 8/10, p. 37 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ، وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ )  
(غَيْرَ سَالِمِ بْنِ غِيْلَانَ وَهُوَ ثِقَةٌ).

S: al-Barā' bin 'Āzib رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Anas bin Mālik رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ,  
Ḥudẓayfah bin al-Yamān رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Saidina 'Umar bin al-Khaṭṭāb رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, Abū  
Umāmah al-Bāhī rَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan Ibnu 'Abbās رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ.



KURNIAAN ISTIMEWA



## Hadith 35: Menyatakan Keredaan Terhadap Allah, Islam dan Rasulullah ﷺ (Taraddī) pada Waktu Pagi dan Petang

عَنْ أَبِي سَلَامٍ سَابِقِ بْنِ نَاجِيَّةَ، قَالَ:

كُنَّا جُلُوسًا فِي مَسْجِدِ حِمصٍ فَمَرَّ رَجُلٌ، فَقَالُوا: هَذَا خَدَمَ النَّبِيَّ ﷺ فَتَهَضُّتُ إِلَيْهِ فَسَأَلْتُهُ قُلْتُ: حَدِّثْنِي حَدِيثًا سَمِعْتَهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ وَلَمْ يَتَدَاوُلْهُ الرَّجَالُ بَيْنَكُمْ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ:

« مَا مِنْ عَبْدٍ يَقُولُ حِينَ يُمَسِّي، وَحِينَ يُصْبِحُ: رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ [ﷺ] نَبِيًّا إِلَّا كَانَ حَقًّا عَلَى اللَّهِ أَنْ يُرْضِيَهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ »

Daripada Abū Sallām Sābiq bin Nājiyah, beliau berkata:

Pernah pada satu ketika, sewaktu kami sedang duduk di masjid Hims, seorang lelaki telah lalu dan orang-orang di situ berkata: “Inilah lelaki yang pernah berkhidmat kepada Rasulullah ﷺ.”

Maka aku pun bangun pergi dan bertanya kepadanya dengan berkata: “Beritahulah kepada kami sebuah hadith yang engkau telah mendengarnya daripada Rasulullah ﷺ tetapi ianya tidak tersebar di kalangan kamu.”

Beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tiada seorang hamba yang mengucapkan ketika dia memasuki waktu petang dan ketika dia memasuki waktu pagi [zikir berikut]:

رَضِيتُ بِاللَّهِ رَبًّا، وَبِالْإِسْلَامِ دِينًا، وَبِمُحَمَّدٍ نَبِيًّا

“Sesungguhnya aku reda dengan Allah sebagai Tuhan, dan Islam sebagai agama, serta [Saidina] Muhammad ﷺ sebagai Nabi,”

melainkan Allah ﷻ pasti akan meredainya atau menjadikannya reda [dengan kurniaan dan layanan Allah kepadanya] pada hari kiamat kelak.”

T: (al-Hākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1839 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الْإِسْنَادِ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ); (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 22600; (al-Ṭabarānī (360H): al-Du‘ā’), No. 302; (al-Bayhaqī (458H): al-Da‘awāt/ al-Da‘wāt al-Kabīr), No. 28 & (al-Mizzī (742H): Tahdzīb al-Kamāl), No. 992.

---

 Dari sudut bahasa, jika sehari semalam dibahagikan kepada dua waktu iaitu: *ṣabāḥ* dan *masā’*; maka: waktu *ṣabāḥ* bermula dari tengah malam (separuh malam kedua) sehingga waktu tergelincir matahari (zohor) (AM: *After Meridiem*); dan waktu *masā’* bermula dari selepas tergelincir matahari (zohor) sehingga waktu tengah malam (separuh malam kedua) (PM: *Post Meridiem*).

Bagi permulaan waktu zikrullah *ṣabāḥ* (pagi), para ulama’ tidak berbeza pandangan bahawa ia bermula selepas masuk waktu Subuh. Namun begitu para ulama’ berbeza pandangan tentang permulaan waktu zikrullah *masā’* (petang), sama ada selepas masuk waktu Zohor atau Asar atau Maghrib. Namun begitu pandangan yang masyhur ialah ia bermula selepas Asar. Allah Maha Mengetahui dan ilmu-Nya Maha Sempurna.



### Hadith 36: Empat Puluh (40) Ganjaran dengan Satu Selawat kepada Rasulullah ﷺ

عَنْ عُمَرَ الْأَنْصَارِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، وَكَانَ بَدْرِيًّا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَنْ صَلَّى عَلَيَّ مِنْ أُمَّتِي صَلَاةً مُخْلِصًا مِنْ قَلْبِهِ، صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرَ صَلَوَاتٍ، وَرَفَعَهُ بِهَا عَشْرَ دَرَجَاتٍ، وَكُتِبَ لَهُ بِهَا عَشْرَ حَسَنَاتٍ، وَمَحَا عَنْهُ عَشْرَ سَيِّئَاتٍ»

Daripada 'Umayr [bin Niyār] al-Anṣārī رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ dan beliau adalah seorang ahli Badar, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang berselawat ke atasku daripada kalangan umatku dengan satu selawat yang penuh ikhlas daripada hatinya, maka:

- Allah akan berselawat ke atasnya dengannya sepuluh (10) kali selawat, dan
- Allah mengangkatnya dengannya sepuluh (10) darjat, dan
- Allah mencatat baginya dengannya sepuluh (10) kebaikan, dan
- Allah menghapuskan dengannya sepuluh (10) kejahatan/dosa.”

T: (al-Nasā'ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 9809 [Lafaz di atas]; (Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'), No. 13110 dan beliau berkata: ( لَا أَعْلَمُ أَحَدًا رَوَاهُ بِهَذَا اللَّفْظِ، إِلَّا سَعْدٌ، عَنْ ) (سَعِيدٍ); (Abū Nu'aym al-Aṣbahānī (430H): Ma'rifat al-Sahabah), No. 5270; (al-Mizzī (742H): Tahdzīb al-Kamāl), No. 1137; (Ibn Qānī' (351H): Mu'jam al-Ṣaḥābah), No. 1300 & (Taj al-Dīn al-Subkī (771H): Ṭabaqāt al-Shafi'iyyah al-Kubra), No. 83. [Status: Ḥasan atau Ṣaḥīḥ li ghayrih]

### Hadith 37: Majlis Zikrullah: Empat Kelebihan Luar Biasa

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ وَأَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رضي الله عنهما أَنَّهُمَا شَهِدَا عَلَى النَّبِيِّ ﷺ أَنَّهُ قَالَ:  
« لَا يَقْعُدُ قَوْمٌ يَذْكُرُونَ اللَّهَ ﷻ إِلَّا حَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَنَزَلَتْ  
عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ وَذَكَرَهُمُ اللَّهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ »

Daripada Abū Hurayrah dan Abū Sa'īd al-Khudrī رضي الله عنهما,  
sesungguhnya mereka berdua bersaksi bahawa Baginda Nabi ﷺ  
telah bersabda:

“Tidak duduk satu kaum (kumpulan manusia) untuk berzikir  
kepada Allah ﷻ (menyebut-Nya dan mengingati-Nya) melainkan:

- (i) para malaikat akan mengelilingi mereka, dan
- (ii) rahmat (Allah) akan meliputi mereka, dan
- (iii) *sakīnah* (keteguhan iman bersama ketenangan) turun  
ke atas mereka (bagi menambah kekuatan iman-iman  
mereka), dan
- (iv) Allah ﷻ akan menyebut [nama-nama] mereka kepada  
sesiapa (/para malaikat) di sisi [kerajaan]-Nya [agar  
didoakan keampunan buat mereka].”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2702 [Lafaz  
di atas]; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)),  
No. 3378 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Ibn Mājah (273H):  
Sunan Ibn Mājah), No. 3791; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 9559,  
11069, 11249, 11658 & 11674; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān),  
No. 855 dan lain-lain. [Status: Ṣaḥīḥ]

## Hadith 38: Membaca Tahlīl Kāmil Ketika Berada di dalam Pasar

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:  
« مَنْ دَخَلَ السُّوقَ فَبَاعَ فِيهَا وَاشْتَرَى، فَقَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ، [وَهُوَ حَيٌّ لَا يَمُوتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ] وَهُوَ عَلَى  
كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، كَتَبَ اللَّهُ لَهُ أَلْفَ أَلْفِ حَسَنَةٍ، وَمَحَا أَلْفَ أَلْفِ سَيِّئَةٍ، وَبَنَى لَهُ بَيْتًا  
فِي الْجَنَّةِ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau berkata: Rasulullah ﷺ  
bersabda:

“Barang siapa yang memasuki pasar dan berjual beli di dalamnya serta berkata:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، يُحْيِي وَيُمِيتُ، [وَهُوَ  
حَيٌّ لَا يَمُوتُ بِيَدِهِ الْخَيْرُ] وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, hanya Dia semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya, bagi-Nya segala kekuasaan dan bagi-Nya segala pujian, Dialah yang menghidupkan dan mematikan, [Dialah yang Maha Hidup dan tidak akan mati, segala kebaikan di dalam kekuasaan-Nya] dan Dia Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu”,

maka Allah akan mencatat baginya sejuta (1,000,000) kebaikan, menghapuskan daripadanya sejuta (1,000,000) kejahatan (/dosa) dan membina baginya sebuah mahligai di syurga.”

T: (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 1911 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا إِسْنَادٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ، وَلَمْ يُحَرِّجَاهُ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ) & 1912; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)), No. 3429, dengan tambahan lafaz [...] dan beliau berkata: (وَعَمْرُو بْنُ دِينَارٍ) هَذَا هُوَ شَيْخٌ بَصْرِيٌّ تَكَلَّمَ فِيهِ بَعْضُ أَصْحَابِ الْحَدِيثِ، وَقَدْ رَوَى عَنْ سَالِمِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ أَحَادِيثَ لَا يُتَابَعُ هَذَا هُوَ شَيْخٌ (عَلَيْهَا، وَقَدْ رَوَى هَذَا الْحَدِيثَ مِنْ غَيْرِ هَذَا الْوَجْهِ

### Hadith 39: “Tahlīl Kāmil” Sebanyak 100 Kali Di Waktu Pagi dan Petang Mempunyai Lima (5) Kelebihan Yang Besar

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: « مَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، فِي يَوْمٍ مِائَةَ مَرَّةٍ، كَانَتْ لَهُ عَدَلٌ عَشْرَ رِقَابٍ، وَكُتِبَ لَهُ مِائَةُ حَسَنَةٍ، وَمُحِيتَ عَنْهُ مِائَةُ سَيِّئَةٍ، وَكَانَتْ لَهُ حِرْزًا مِنَ الشَّيْطَانِ يَوْمَهُ ذَلِكَ حَتَّى يُمْسِيَ، وَلَمْ يَأْتِ أَحَدٌ بِأَفْضَلَ مِمَّا جَاءَ إِلَّا رَجُلٌ عَمِلَ أَكْثَرَ مِنْهُ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Barang siapa yang menyebut:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ، وَلَهُ الْحَمْدُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Tiada tuhan [yang berhak disembah] melainkan Allah, hanyalah Dia semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya. Hanya bagi-Nya segala kekuasaan dan hanya bagi-Nya jua segala pujian, dan Dia Maha Berkuasa ke atas tiap-tiap sesuatu,”

sebanyak seratus (100) kali, maka:

- (i) ia (zikir itu) adalah seumpama (memerdekakan) sepuluh orang hamba, dan
- (ii) ditulis baginya seratus (100) kebajikan, dan
- (iii) dihapuskan daripadanya seratus (100) kejahatan, dan

- (iv) ia (zikir itu) menjadi pemeliharaan baginya daripada Syaitan pada hari tersebut sehingga dia memasuki waktu petang, dan
- (v) tidak ada seorang pun yang telah melaksanakan sesuatu (amalan) yang lebih baik daripada apa yang telah dia lakukan melainkan seseorang yang telah melakukan lebih banyak daripadanya (berkenaan zikir tersebut).”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No.3292 & 6403 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2694; (al-Tirmidzī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)); (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah); (Mālik (179H): al-Muwaṭṭa’ - Riwayat Yahya al-Laythi); (Aḥmad (241H): al-Musnad); (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān) dan lain-lain. [Status: Sahih]

## Hadith 40: Surah Al-Mulk Mempertahankan Pemiliknya Sehingga ke Syurga

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

« سُورَةٌ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هِيَ إِلَّا ثَلَاثُونَ آيَةً، خَاصَمَتْ عَنْ صَاحِبِهَا حَتَّى أَدْخَلَتْهُ الْجَنَّةَ، وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ »

Daripada Anas bin Mālik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Ada satu surah di dalam al-Quran, ia tidak mengandungi melainkan tiga puluh (30) ayat.

Ia akan mempertahankan pemiliknya sehinggalah ia memasukkannya ke dalam syurga. Dan ia adalah surah تَبَارَكَ

(surah al-Mulk).”

T: (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Awsaṭ), No. 3654 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Saghir), No. 176; (Ibn ‘Abd al-Barr (463H): al-Tamhīd), No. 1242; (al-Ḍiyā’ al-Maqdisī (643H): al-Aḥādīth al-Mukhtārah), No. 1585 & 1586 dan lain-lain.

\*(al-Haythamī (807H): Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id), No. 11430 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ فِي الصَّغِيرِ وَالْأَوْسَطِ، وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ).

## PESANAN PENUTUP

### (( *ISTIQĀMAH* DALAM AMALAN SOLEH ))

Sebenarnya di sana terdapat begitu banyak hadits berkaitan amalan-amalan yang disunatkan dalam kehidupan seharian kita. Hadith-hadith yang terkandung di dalam buku ini hanyalah sebahagian kecil daripada amalan-amalan tersebut. Namun begitu, sekiranya amalan-amalan yang terkandung di dalam buku ini dapat dijadikan amalan harian secara *istiqāmah*, maka betapa beruntungnya pengamal tersebut.

Dalam mengamalkan amalan-amalan sunat harian khususnya sebagai wirid, terdapat kaedah penting yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ kepada kita iaitu:

“Amalan yang terbaik ialah amalan yang dapat dilaksanakan secara berterusan (*istiqāmah*).”

Saidatina ‘Ā’ishah رضى الله عنها meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

« أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ »

“Amalan yang paling dicintai oleh Allah ﷻ ialah amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun sedikit.”

T: (Muslim (261H): al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 785 [Status: Ṣaḥīḥ].

Dalam sebuah petikan hadits *qudsī*, terdapat isyarat agar *taqarrub* yang dilakukan kepada Allah ﷻ dengan amalan sunat dilakukan



secara berterusan dan berulang-ulang. Rasulullah ﷺ bersabda: Allah ﷻ berfirman (hadith *qudsī*):

« وَلَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ، كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِي يَسْمَعُ بِهِ، وَبَصَرَهُ الَّذِي يُبْصِرُ بِهِ، وَيَدَهُ الَّتِي يَبْطِشُ بِهَا، وَرِجْلَهُ الَّتِي يَمْشِي بِهَا، وَلَئِنْ سَأَلَنِي لَأُعْطِيَنَّهُ، وَلَئِنْ أَسْتَعَاذَنِي (/ أَسْتَعَاذَ بِي) لَأُعِيذَنَّهُ »

“Dan seorang hamba-Ku itu sentiasa mendekati-Ku dengan amalan-amalan tambahan (sunat) sehinggalah Aku menyintainya. Nya.

Maka apabila Aku menyintainya, Aku adalah pendengaran yang dia mendengar dengannya, dan penglihatan yang dia melihat dengannya, dan tangannya yang dia memukul dengannya, dan kakinya yang dia berjalan dengannya.

Dan sekiranya dia meminta daripada-Ku sesuatu, pasti Aku akan memberinya, dan sekiranya dia memohon perlindungan daripada-Ku (/dengan-Ku), pasti Aku akan melindunginya.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6502: Riwayat Abū Hurayrah ﷺ [Status: Ṣaḥīḥ].

Sesuatu amalan yang diamalkan dengan berterusan bukan sahaja menjadi pahala kebajikan (*ḥasanah*) bagi pengamalnya, bahkan ia juga menjadi “rahsia”, “kedudukan istimewa”, “darjat” dan “hubungan khusus” di antara seorang hamba dengan Penciptanya. Oleh kerana itu amalan yang dapat di*istiqāmah*kan adalah amalan terbaik. Semakin banyak amalan yang dapat dilakukan secara berterusan oleh seseorang, maka semakin banyak keistimewaannya di sisi Allah ﷻ.

Di antara keistimewaan amalan yang dilakukan secara *istiqāmah* juga ialah pahalanya akan terus dicatat secara berterusan bagi pengamalannya walaupun ketika dia jatuh sakit atau bermusafir. Rasulullah ﷺ bersabda:

« إِذَا مَرَضَ الْعَبْدُ أَوْ سَافَرَ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ مَا كَانَ يَعْمَلُ مُقِيمًا صَحِيحًا »

“Apabila seorang hamba itu jatuh sakit atau bermusafir, maka dicatatkan baginya pahala seumpama yang dia amalkan ketika mana dia bermukim dan sihat.”

T: (al-Bukhārī (256H): Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2996: Riwayat Abū Mūsā al-Ash‘arī رضي الله عنه [Status: Ṣaḥīḥ].

Kita berdoa kepada Allah ﷻ agar Dia sentiasa memberikan kita taufik untuk mengamalkan sesuatu amalan soleh secara berterusan dan kemudian Dia menerimanya sebagai amalan soleh kita nanti di neraca amalan (*mīzān*) pada hari akhirat kelak. Allāhumma Āmīn.

---

“Ya Allah, berkatilah usaha yang kerdil ini, terimalah penulisan ini sebagai amalan soleh di sisi-Mu, dan maafkanlah segala kekurangan dan kecuaiian yang berlaku di dalam penyediaannya, dengan keagungan Saidina Muḥammad ﷺ, kekasih-Mu, Penghulu para Nabi dan Rasul ﷺ serta kemuliaan malam al-Naḥr (Hari Raya Aidil Adha) yang mulia ini.”

---

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،

وَأَخِرُ دَعْوَانَا أَنْ : الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

---



Al-Faqīr ila Allāh al-Ghanī al-Ḥamīd, Penuntut Ilmu

Dr. Abdullaah bin Jalil

Nilai, Negeri Sembilan

10 Zulhijjah 1444 Hijrah (Malam) bersamaan 28 Jun 2023 Masihi



## PENULIS

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau memperolehi Sarjana Muda Syariah (Fiqh and Pengajian Islam) dari Universiti Yarmouk, Jordan dengan Kelas Pertama (*Mumtāz*) pada tahun 2001, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dengan pengkhususan Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2004 dan dikurniakan Anugerah Pelajar Terbaik Program serta PhD Kewangan Islam dari INCEIF (The Global University of Islamic Finance) pada tahun 2019.

Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, retakaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016.

Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah “Friends of the Police” pada Hari Polis Kebangsaan 2012 di atas sumbangan beliau di dalam bidang ini. Beliau telah dilantik sebagai sebagai Ahli Panel Deradikalisasi dan Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 oleh Kementerian Dalam Negeri. Beliau pernah memberi latihan berkenaan Deradikalisasi di Rabdan Academy (United Arab Emirates) dan dilantik sebagai salah seorang Advisory Committee bagi Global Peace Institute (Maldives) dan kini terlibat sebagai salah seorang ahli penyelidik untuk membangunkan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Pelampau Keganasan (NAPPCVE).

Dalam pembinaan polisi dan kertas kerja hukum, beliau pernah terlibat sebagai salah seorang panel kepakaran bagi pembinaan Standard MQA bagi Program Muamalat dan Kewangan Islam (2012), Manual Pengurusan Wang Khairat JAWHAR (2014), AJK (Kluster Ekonomi) Pembangunan Dasar Dakwah Negara (2014), Kertas Kerja Hukum Berkaitan Isu-isu Syariah Madinah Mawaddah Wakaf City (2020) dan Kertas Kerja Hukum Penjanaan dan Pelaburan Dana Masjid (2021). Beliau juga merupakan salah seorang ahli kumpulan penyelidik IMARAH (USIM) yang telah

membangunkan satu sistem pengurusan kewangan masjid dan surau yang dinamakan sebagai Sistem e-MIMAS<sup>TM 2</sup>.

Bidang kajian beliau merangkumi Fiqh Muamalat, Perbankan dan Kewangan Islam, Tadbir Urus Syariah, Wakaf Korporat, Kewangan Masjid, Ahli Sunnah dan Jama'ah, Deradikalisasi dan PCVE (Preventing and Countering Violent Extremism). Di antara kursus-kursus di peringkat siswazah yang pernah dikendalikan oleh beliau ialah Fiqh Muamalat I, Fiqh Muamalat II, Pengurusan Haji dan Umrah, Pengurusan Institusi Perbankan Islam dan Takaful, Pasaran Wang dan Modal, Halaqah (Pengantar Kitab Turath), Usul Fiqh dan Kewangan Islam. Manakala di peringkat siswazah, beliau pernah mengendalikan kursus Qawa'id Fiqhiyyah, Aplikasi Fiqh Muamalat serta Halal dan Haram di dalam Islam.

Beliau juga meminati pengajian ilmu turath dan sering menghadiri majlis-majlis talaqqi ilmu dan pengajian turath berkitab bersama para *mashāyikh*, termasuk dalam bidang pengajian ilmu hadith *riwāyah* dan *dirāyah*. Di antara buku-buku yang telah ditulis oleh beliau di dalam bidang hadith tematik (*mawḍū'ī*) ialah:

1. 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan (2013)
2. Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Terjemahan) (2013)
3. 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan (2016)
4. 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Terjemahan) (2017)
5. 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta (2018)
6. 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah (2019)
7. Natijah Fikir dan Mutiara Nabawi Berkenaan Majlis Zikir (2019)
8. 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya (2019)
9. 40 Hadith Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya (2019)

---

<sup>2</sup> Untuk maklumat lanjut, sila rujuk di tautan ini: <https://imarrah.org>

10. 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Terjemahan) (2019)
  11. 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya (2020)
  12. 40 Hadith Imam Nawawi Berkenaan Asas-asas Agama Islam dan Prinsip Hukum Syariat (2020)
  13. Mutiara Nabawiyyah Berkenaan Kelebihan Haji, Umrah dan Zulhijjah (2021)
  14. Empat Puluh Hadith Qudsi oleh Al-Imām Al-‘Allāmah al-Muḥaddith al-Faqīh Mullā ‘Alī al-Qārī al-Ḥanafī al-Māturīdī al-Ṣūfī (w.1014H). (Terjemahan, Ulasan dan Edit). (2022).
  15. 40 Hadith Berkenaan 40 Amalan Sunat Harian: Keampunan Dosa dan Pahala Luar Biasa (2023) (Buku ini)
-

## BIBLIOGRAFI

- ‘Abd Ibn Ḥumayd. *Musnad ‘Abd Ibn Ḥumayd* [Tahqiq: Subhi al-Badri al-Samara'i & Mahmud Muhammad Khalil al-Sa'idi]. Maktabat al-Sunnah.
- Abū ‘Awānah, Ya'qub Ishaq (1998). *Mustakhraj Abī ‘Awānah* [Tahqiq: Ayman Ibn 'Arif al-Dimashqi]. Dar al-Ma'rifah.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abū Nu‘aym al-Asbahānī. (1409H). *Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’* (Vol. 10). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī. *Akhhbār Asbahān*. al-Dar al-'Ilmiyyah.
- Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī. *Ma'rifat al-Sahabah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Ya‘lā al-Mawṣilī. (1992). *Musnad Abī Ya‘lā al-Mawṣilī*. al-Thaqāfah al-‘Arabiyyah.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). *al-Musnad*. Mu‘assasat al-Risālah.
- al-Baghawī, al-Ḥusayn Mas‘ūd. *Sharḥ al-Sunnah*. al-Maktab al-Islāmī.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn. (1993). *al-Asma' wa al-Sifat*. Maktabat al-Sawadi.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn. (1986). *al-Da‘awāt/ al-Da‘wāt al-Kabīr*. Markaz al-Makhtutat wa al-Turath.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. *Shu‘ab al-Imān*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. (2000). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Bazzār, Abū Bakr. (1997). *al-Baḥr al-Zakḥkhār bi Musnad al-Bazzār*. Maktabat al-‘Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismā‘īl. (1989). *al-Adab al-Mufrad*. Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

- al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl. (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Dar al-Salām.
- al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl. (2001). *al-Tārīkh al-Kabīr*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Dārimī, ʿAbdullāh ʿAbdurrahmān. (2000). *Sunan al-Dārimī*. Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
- al-Ḍiyāʾ al-Maqdisī. *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. ʿAbd al-Malik Dahish.
- al-Habib ʿAli ibn Hasan al-ʿAttas. *al-ʿAtiyyah al-Haniyyah wa al-Wasiyyah al-Mardiyyah*. Matbaʿat al-Madani.
- al-Ḥākim, Ibn al-Bayyīʿ al-Naysabūrī. (1990). *al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn. (1979). *Kashf al-Astār ʿan Zawāʿid al-Bazzār*. Muʿassasat al-Risālah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn. (1994). *Majmaʿ al-Zawāʿid wa Manbaʿ al-Fawāʿid* [Tahqiq: Hisam al-Dīn al-Qudsi]. Maktabat al-Qudsi.
- al-Mizzī, Yusuf. (2002). *Tahdzīb al-Kamāl*. Muʿassasat al-Risalah.
- al-Mundzirī, Zakiyy al-Dīn ʿAbd al-ʿAzīm. (1417H). *al-Targhīb wa al-Tarhīb min al-Ḥadīth al-Sharīf*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb. (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb. (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Maktab al-Matbūʿāt al-Islāmiyyah.
- al-Rāfiʿī, ʿAbd al-Karīm. (1987). *al-Tadwīn fī Akhbār Qazwīn*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Rūyānī, Abū Bakr. (1416H). *Musnad al-Rūyānī*. Muʿassasat Qurṭubah.
- al-Shajari, Yahya al-Husayn. (2001). *al-Amali al-Khamisiyyah*. Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *al-Duʿāʾ*. Dar al-Bashaʿir al-Islamiyyah / Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.



- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *al-Mu'jam al-Saghir*. Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *al-Mu'jam al-Awsaṭ*. Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *al-Mu'jam al-Kabīr*. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Ahmad. *Musnad al-Shāmiyyīn*. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Tirmidzī, Muḥammad 'Isā. *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidzī)*. Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah. *al-Tamhīd*. Wizarat 'Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah. (1994). *Jāmi' Bayān al-'Ilm wa Faḍlih*. Dar Ibn al-Jawzī.
- Ibn Abi Shaybah. (2004). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Rushd.
- Ibn al-Sunnī. (2001). *'Amal al-Yawm wa al-Laylah*. Dar Ibn Hazm.
- Ibn 'Asākir, Ali Hasan. (1998). *Tārīkh Dimashq*. Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī. (1996). *Itḥāf al-Maharah bi al-Fawā'id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-'Asharah*. Majma' al-Malik Fahd wa Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn Khuzaymah. *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. al-Maktab al-Islami.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī. (2010). *Sunan Ibn Mājah*. Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Ibn Qānī'. (1998M/ 1418H). *Mu'jam al-Ṣaḥābah* [Tahqiq: Hamdi al-Damradash Muhammad]. Nizar Mustafa al-Baz.
- Ibn Shahin. *Sharh Madhahib Ahl al-Sunnah* (First ed.) [Tahqiq: 'Adil Muhammad]. Mu'assasat Qurtubah.

- Ibn Shāhīn. (1995). *al-Targhīb fi Faḍā'il al-A'māl*. Ibn al-Jawzi.
- Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh. *Musnad Ishaq Ibn Rahuyah/ Rahwayh/ Rahawayh*. Maktabat al-Iman.
- Mālik, Anas al-Madanī. *al-Muwaṭṭa' - Riwayat Yahya al-Laythi*. Dar al-Sha'b.
- Muslim, Ibn al-Ḥajjāj. (2006). *al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. Dār Ṭaybah.
- Taj al-Din al-Subki, 'Abd al-Wahhab. (2003). *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. al-Qahirah.



LAMPIRAN 1: RISALAH PENUNTUT ILMU: SURAH AL-  
MULK: AMALAN DAN KELEBIHAN



﴿ Risalah Penuntut Ilmu ﴾

# Surah al-Mulk

Amalan dan Kelebihan

Dr. Abdullaah Jalil



## ISI KANDUNGAN

|                                                                                                           |     |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----|
| ﴿ PENDAHULUAN ﴾ .....                                                                                     | 84  |
| ﴿ SURAH AL-MULK ﴾ .....                                                                                   | 86  |
| ﴿ DOA SELEPAS BACAAN SURAH AL-MULK ﴾ .....                                                                | 90  |
| ﴿ HADITH BERKENAAN KELEBIHAN SURAH AL-MULK ﴾ .....                                                        | 93  |
| 1: Surah Al-Mulk Memberi Shafaat Kepada Pemiliknya Sehingga Diampunkan Allah ﷻ .....                      | 93  |
| 2: Surah Al-Mulk: Surah <i>Al-Mani'ah Al-Munjiyah</i> (Penghadang dan Penyelamat Dari Azab Kubur) .....   | 94  |
| 3: Surah Al-Mulk Mempertahankan Pemiliknya Sehingga ke Syurga .....                                       | 96  |
| 4: Surah al-Mulk ialah Surah al-Māni'ah.....                                                              | 97  |
| 5: Rasulullah ﷺ Tidak Tidur Sebelum Membaca Surah al-Sajdah dan Surah al-Mulk .....                       | 98  |
| 6: Rasulullah ﷺ Mahukan Umat Baginda ﷺ Menghafal Surah Al-Mulk .....                                      | 99  |
| ﴿ ATHAR BERKENAAN KELEBIHAN SURAH AL-MULK ﴾ .....                                                         | 100 |
| 1: (Athar) Surah al-Mulk Memberi Perlindungan dan Syafaat di dalam Kubur .....                            | 100 |
| 2: (Athar) Surah al-Mulk adalah Surah <i>al-Munjiyah/ al-Munajjiyah</i> (Penyelamat) .....                | 102 |
| 3: (Athar) Surah al-Mulk Mempertahankan Orang Yang Membacanya pada Setiap Malam daripada Azab Kubur ..... | 104 |
| ﴿ RU'YAH ŞĀLIḤAH BERKENAAN BACAAN SURAH AL-MULK DI SISI KUBUR ﴾ .....                                     | 105 |
| Abū Yahyā al-Nāqid (w.285H) .....                                                                         | 105 |
| ﴿ RUJUKAN ﴾ .....                                                                                         | 107 |



## ﴿ PENDAHULUAN ﴾

Dengan nama Allah, yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Segala puji hanyalah bagi Allah ﷻ, Tuhan yang mencipta, memiliki dan mentadbir seluruh alam. Selawat dan salam dipanjatkan kepada Rasulullah ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ serta orang-orang yang menuruti jalan Baginda ﷺ sehingga ke hari Kiamat.

### *Ammā ba'd:*

Surah al-Mulk adalah di antara surah yang dianjurkan oleh para ulama' untuk dijadikan sebagai wirid harian, khususnya pada waktu malam, selepas solat Isyak dan sebelum tidur. Ia adalah sebuah surah yang sangat agung dan mulia serta mempunyai kelebihan yang sangat besar. Maka sayugianya seorang Muslim yang mengambil berat tentang amalan hariannya dan mengambil berat terhadap keselamatannya di dalam kubur dan di hari Akhirat menjadikan surah ini sebagai amalan hariannya. Rasulullah ﷺ juga mengharapkan agar setiap umat Baginda ﷺ menghafal surah yang agung ini. Selain itu, surah al-Mulk juga di antara surah yang dianjurkan untuk dibacakan di sisi kubur seorang Muslim semasa menziarahinya lantaran kelebihannya yang luar biasa.

Al-Shaykh al-Muḥaddith al-Sayyid Dr. Muḥammad bin al-Shaykh al-Sayyid 'Alawī al-Mālikī al-Ḥasani menyebut di dalam kitabnya "Abwāb al-Faraj" (Pintu-pintu Keluar dari Kesusahan), ms.110:

ومن أعظم أبواب الفرج الاشتغال بقراءة سورة + تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ -  
وخصوصا عند النوم، فقد جاء في فضلها وخصائصها عن رسول الله ق الكثير.

فمنها: أنها تشفع في صاحبها وتدفع عنه السوء، وتجادل عنه في القبر وتمنع عنه عذابه، وتثبته عند السؤال ومراجعة ملائكة القبر، وتؤنس وحشته فيه.

“Dan di antara pintu-pintu keluar dari kesusahan yang paling utama ialah menyibukkan diri dengan pembacaan surah ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾

khususnya sebelum tidur. Sesungguhnya terdapat banyak riwayat daripada Rasulullah ﷺ berkenaan kelebihan dan keistimewaan.

Di antaranya ialah ia memberi syafaat kepada pengamalnya, menolak keburukan daripadanya, mempertahankannya di dalam kubur dan menghalang azab kubur daripada mengenainya.

Dan ia juga mengukuhkan pengamalnya ketika soal-jawab dan pemeriksaan oleh para malaikat di kubur.

Dan ia juga menjadi penemannya dalam kesunyiannya di dalam kubur kelak.”

Oleh kerana itu, penulis berusaha untuk memudahkan para pembaca menjadikannya wirid harian dengan menyediakan satu risalah ringkas yang khusus berkenaan kelebihan dan amalannya. Penulis juga berkongsi doa yang dianjurkan oleh para ulama’ selepas membacanya. Semoga Allah ﷻ mengurniakan kita taufik untuk terus beramal dengan surah ini dan menjadikannya sebagai wirid harian. Dan semoga Allah ﷻ menerimanya sebagai pemberi syafaat dan penyelamat kita di alam kubur dan di akhirat nanti.

10 Muḥarram 1444 Hijrah, bersamaan 8 Ogos 2022

Nilai, Negeri Sembilan.



## ﴿ SURAH AL-MULK ﴾

Surah ke-67

Juzuk ke-29

Bilangan ayat: 30

Muka surat: 562-564

﴿ أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴾

## سُورَةُ الْمُلْكِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١﴾ الَّذِي خَلَقَ  
الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ ﴿٢﴾  
الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَاوَاتٍ طِبَاقًا مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ  
تَفَوتٍ فَأَرْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ﴿٣﴾ ثُمَّ أَرْجِعِ الْبَصَرَ كَرَّتَيْنِ  
يَنْقَلِبْ إِلَيْكَ الْبَصَرُ خَاسِئًا وَهُوَ حَسِيرٌ ﴿٤﴾ وَلَقَدْ زَيَّنَّا السَّمَاءَ  
الدُّنْيَا بِمَصْبِيحٍ وَجَعَلْنَاهَا رُجُومًا لِلشَّيَاطِينِ وَأَعْتَدْنَا لَهُمْ عَذَابَ  
السَّعِيرِ ﴿٥﴾ وَلِلَّذِينَ كَفَرُوا بِرَبِّهِمْ عَذَابُ جَهَنَّمَ وَيَبُوءُونَ الْمَصِيرَ  
﴿٦﴾ إِذَا أُلْقُوا فِيهَا سَمِعُوا لَهَا شَهِيقًا وَهِيَ تَفُورُ ﴿٧﴾ تَكَادُ تَمَيَّزُ  
مِنَ الْغَيْظِ كُلَّمَا أُلْقِيَ فِيهَا فَوْجٌ سَأَلَهُمْ خَزَنَتُهَا أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَذِيرٌ ﴿٨﴾  
قَالُوا بَلَىٰ قَدْ جَاءَنَا نَذِيرٌ فَكَذَّبْنَا وَقُلْنَا مَا نَزَّلَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ  
إِلَّا فِي ضَلَالٍ كَبِيرٍ ﴿٩﴾ وَقَالُوا لَوْ كُنَّا نَسْمَعُ أَوْ نَعْقِلُ مَا كُنَّا فِي أَصْحَابِ  
السَّعِيرِ ﴿١٠﴾ فَاعْتَرَفُوا بِذُنُوبِهِمْ فَسَحَقًا لِّأَصْحَابِ السَّعِيرِ ﴿١١﴾  
إِنَّ الَّذِينَ يَخْشَوْنَ رَبَّهُم بِالْغَيْبِ لَهُمْ مَغْفِرَةٌ وَأَجْرٌ كَبِيرٌ ﴿١٢﴾

وَأَسِرُّوا قَوْلَكُمْ أَوِ اجْهَرُوا بِهِ ۖ إِنَّهُ عَلِيمٌ بِذَاتِ الصُّدُورِ ﴿١٣﴾ أَلَا  
يَعْلَمُ مَنْ خَلَقَ وَهُوَ اللَّطِيفُ الْخَبِيرُ ﴿١٤﴾ هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمْ  
الْأَرْضَ ذُلُولًا فَامْشُوا فِي مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا مِنْ رِزْقِهِ ۚ وَإِلَيْهِ النُّشُورُ  
﴿١٥﴾ أَمْ أَمِنْتُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ أَنْ يَخْسِفَ بِكُمْ الْأَرْضَ فَإِذَا هِيَ  
تَمُورُ ﴿١٦﴾ أَمْ أَمِنْتُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ أَنْ يُرْسِلَ عَلَيْكُمْ حَاصِبًا ۖ  
فَسَتَعْلَمُونَ كَيْفَ نَذِيرِ ﴿١٧﴾ وَلَقَدْ كَذَّبَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَكَيْفَ  
كَانَ نَكِيرِ ﴿١٨﴾ أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الطَّيْرِ فَوْقَهُمْ صَفًّا وَيَقْبِضْنَ مَا  
يُمَسِّكُهُنَّ إِلَّا الرِّحْمَنُ إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ بَصِيرٌ ﴿١٩﴾ أَمْ مَنْ هَذَا الَّذِي  
هُوَ جُنْدٌ لَكُمْ يَنْصَرُّكُمْ مِنْ دُونِ الرَّحْمَنِ إِنِ الْكَافِرُونَ إِلَّا فِي غُرُورٍ  
﴿٢٠﴾ أَمْ مَنْ هَذَا الَّذِي يَرْزُقُكُمْ إِنْ أَمْسَكَ رِزْقَهُ ۖ بَلْ لَجُّوا فِي عُتُوٍّ  
وَنُفُورٍ ﴿٢١﴾ أَمْ مَنْ يَمْشِي مَكْبًا عَلَى وَجْهِهِ ۚ أَهْدَىٰ أَمَّنْ يَمْشِي سَوِيًّا  
عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ ﴿٢٢﴾ قُلْ هُوَ الَّذِي أَنْشَأَكُمْ وَجَعَلَ لَكُمْ السَّمْعَ  
وَالْأَبْصَرَ وَالْأَفْئِدَةَ ۖ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٢٣﴾ قُلْ هُوَ الَّذِي ذَرَأَكُمْ  
فِي الْأَرْضِ وَإِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٤﴾ وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هَذَا الْوَعْدُ إِنْ كُنْتُمْ  
صَادِقِينَ ﴿٢٥﴾ قُلْ إِنَّمَا الْعِلْمُ عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ مُبِينٌ ﴿٢٦﴾

فَلَمَّا رَأَوْهُ زُلْفَةً سَيِّئَتْ وُجُوهُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَقِيلَ هَذَا الَّذِي  
كُنْتُمْ بِهِ تَدَّعُونَ ﴿٢٧﴾ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَهْلَكَنِى اللَّهُ وَمَنْ مَعِىَ  
أَوْ رَحِمَنَا فَمَنْ يُجِيرُ الْكَافِرِينَ مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٨﴾ قُلْ هُوَ  
الرَّحْمَنُ ۚ اٰمَنَّا بِهِ ۚ وَعَلَيْهِ تَوَكَّلْنَا فَسَتَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُبِينٍ  
﴿٢٩﴾ قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَصْبَحَ مَاؤُكُمْ غَوْرًا فَمَنْ يَأْتِيكُمْ بِمَآءٍ مَّعِينٍ ﴿٣٠﴾

« اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ »

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah, yang Maha pemurah, lagi Maha Mengasihani.

( الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ )

Segala puji bagi Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbir sekalian alam, dengan pujian yang menunaikan hak kesyukuran bagi seluruh nikmat-nikmat-Nya dan yang mencukupkan hak kesyukuran bagi tambahan di atas nikmat-nikmat-Nya.

( اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ عَدَدَ كَمَالِ اللَّهِ وَكَمَا يَلِيْقُ بِكَمَالِهِ )

Ya Allah! Selawatlah dan kurniakanlah kesejahteraan serta keberkatan ke atas Saidina Muhammad ﷺ dan ke atas ahli keluarga Baginda ﷺ dan para sahabat Baginda ﷺ sebanyak kesempurnaan Allah dan seperti mana yang layak dengan kesempurnaan-Nya.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْئَلُكَ الْعَفْوَ وَالْعَافِيَةَ، وَالْمُعَافَاةَ الدَّائِمَةَ فِي الدِّينِ وَالْدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Ya Allah! Sesungguhnya kami memohon daripada-Mu kemaafan, keafiatan dan pemeliharaan yang sempurna dan berterusan di dalam urusan dunia, agama dan akhirat [kami].

اَللّٰهُمَّ عَافِنَا مِنْ كُلِّ بَلَاءٍ الدُّنْيَا وَعَذَابِ الْقَبْرِ وَعَذَابِ الْآخِرَةِ

Ya Allah! Afiatkanlah kami (/peliharalah kami) dari pada setiap bala' bencana di dunia ini dan dari azab kubur serta azab di akhirat.

اَللّٰهُمَّ اِنَّكَ سَمَّيْتَ هَذِهِ السُّورَةَ عَلَى لِسَانِ نَبِيِّكَ (سَيِّدِنَا) مُحَمَّدٍ ﷺ الْمَانِعَةَ الْمُنْجِيَةَ،  
تَمْنَعُ لِصَاحِبِهَا فِتْنَةَ الْقَبْرِ وَتُنْجِيهِ مِنْ عَذَابِهِ وَتُخَاصِمُ عَنْهُ حَتَّى تُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ.

Ya Allah! Sesungguhnya Engkau telah menamakan surah ini di atas lisan Nabi-Mu Saidina Muhammad ﷺ sebagai surah penghalang (*al-māni'ah*) dan surah penyelamat (*al-munjiyah*) yang menghalang pemiliknya (/pembacanya) daripada fitnah kubur dan yang menyelamatkannya daripada azab kubur serta mempertahankannya (/berhujah bagi pihaknya) sehinggalah ia memasukkannya ke dalam syurga.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّنَا مِنْ فِتْنَةِ الْقَبْرِ وَعَذَابِهِ، وَاجِرْنَا مِنْ عَذَابِ النَّارِ، وَادْخِلْنَا الْجَنَّةَ بِشَفَاعَةِ  
هَذِهِ السُّورَةِ الْمُعْظَمَةِ.

Ya Allah! Lindungilah kami daripada fitnah kubur dan azabnya; dan peliharalah kami daripada azab api neraka; serta masukkanlah kami ke dalam syurga-Mu dengan syafaat surah yang agung ini.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ. وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Dan semoga Allah ﷻ berselawat ke atas Saidina Muhammad dan ke atas ahli keluarga Baginda ﷺ dan para sahabat Baginda ﷺ serta mengurniakan kesejahteraan kepada mereka. Dan segala puji hanyalah bagi Allah, Tuhan yang mencipta dan mentadbir seluruh alam.

\*Rujukan: (Al-Shaykh Ahmad Fahmi Zamzam al-Banjari al-Nadwi al-Maliki (2002) – Bekal Akhirat: Himpunan Surah-surah Pilihan, Zikir, Hizb, Selawat, Doa, Qasidah, Wirid dan Tariqah [Dengan ijazah daripada beliau. Dan bahagian dalam (...) merupakan tambahan daripada penulis.]

## 1: Surah Al-Mulk Memberi Shafaat Kepada Pemiliknya Sehingga Diampunkan Allah ﷻ

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

« إِنَّ سُورَةَ مِنَ الْقُرْآنِ ثَلَاثُونَ آيَةً شَفَعَتْ لِرَجُلٍ حَتَّى غُفِرَ لَهُ، وَهِيَ سُورَةُ: ﴿ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ ﴾ »

Daripada Abū Hurayrah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya ada satu surah di dalam Al-Qur’an, ia mempunyai tiga puluh (30) ayat.

Ia akan memberi shafaat kepada seseorang (dalam riwayat lain: (صاحبها)) pemiliknya (seseorang yang sering membacanya/ menghafalnya)), sehinggalah dia diberi keampunan [oleh Allah ﷻ].

Dan ia adalah surah [al-Mulk]: ﴿ تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ ﴾.”

T: (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2835 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ); (Abū Dāwud (275H): Sunan Abī Dāwud), No. 1400 [Tanpa sebarang komentar]; (Ibn Mājah (273H): Sunan Ibn Mājah), No. 3784; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 7915 & 8077; (Ibn Ḥibbān (354H): Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 787 & 788; (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn), No. 2007 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الْإِسْنَادِ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ), dan lain-lain: [Status: Hasan atau Sahih li ghayrih].



## 2: Surah Al-Mulk: Surah *Al-Mani'ah Al-Munjiyah* (Penghadang dan Penyelamat Dari Azab Kubur)

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ:

ضَرَبَ بَعْضُ أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ خَبَاءَهُ عَلَى قَبْرِ، وَهُوَ لَا يَحْسِبُ أَنَّهُ قَبْرٌ، فَإِذَا فِيهِ  
إِنْسَانٌ يَقْرَأُ سُورَةَ ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ حَتَّى خَتَمَهَا، فَأَتَى النَّبِيَّ ﷺ فَقَالَ:  
يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنِّي ضَرَبْتُ خَبَائِي عَلَى قَبْرِ، وَأَنَا لَا أَحْسِبُ أَنَّهُ قَبْرٌ فَإِذَا فِيهِ إِنْسَانٌ يَقْرَأُ  
سُورَةَ ﴿تَبَارَكَ الْمُلْكُ﴾ حَتَّى خَتَمَهَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: « هِيَ الْمَانِعَةُ، هِيَ  
الْمُنْجِيَةُ تُنْجِيهِ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Abbās رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau berkata:

“Pernah pada satu ketika, ada sebahagian daripada para Sahabat Nabi ﷺ menghamparkan khemahnya di atas sebuah kubur, sedangkan dia tidak menyangka (mengetahui) bahawa ia adalah sebuah kubur.

Lalu, [dia mendengar] ada seseorang di dalamnya membaca surah al-Mulk sehingga selesai.

Maka [setelah itu,] dia pun datang berjumpa dengan Baginda Nabi ﷺ dan berkata: Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku telah meletakkan khemahku di atas sebuah kubur, dan aku tidak menyangka bahawa ia adalah sebuah kubur. [Maka aku mendengar] di dalamnya ada seseorang yang membaca surah al-Mulk sehingga dia mengkhatamkannya.

Rasulullah ﷺ pun bersabda:

la (surah Al-Mulk) adalah satu *māniāh* (penghadang/ penghalang), dan ia jua adalah satu *munjiyah* (penyelamat) yang menyelamatkan [pembaca]nya daripada azab kubur.”

T: (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2890 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ); (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 12801; (al-Bayhaqī (458H): Ithbāt ‘Adhāb al-Qabr wa Su‘āl al-Malakayn), No. 129; (al-Bayhaqī (458H): Shu‘ab al-Imān), No. 2510; (al-Bayhaqī (458H): Dalā’il al-Nubuwwah), No. 2972; (Abū Nu‘aym al-Aṣbahānī (430H): Dalā’il al-Nubuwwah), No. 3416; (al-Mizzi (742H): Tahdhib al-Kamal), No. 3541 dan lain-lain. S. Abu Hurayrah رضي الله عنه, Anas Ibn Malik رضي الله عنه dan ‘Abdullah Ibn Mas’ud رضي الله عنه.

### 3: Surah Al-Mulk Mempertahankan Pemiliknya Sehingga ke Syurga

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ :

« سُورَةُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هِيَ إِلَّا ثَلَاثُونَ آيَةً، خَاصَمْتُ عَنْ صَاحِبِهَا حَتَّى أُدْخِلَتْهُ الْجَنَّةَ، وَهِيَ سُورَةُ تَبَارَكَ »

Daripada Anas bin Mālik رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Ada satu surah di dalam al-Quran, ia tidak mengandungi melainkan tiga puluh (30) ayat.

Ia akan mempertahankan pemiliknya sehinggalah ia memasukkannya ke dalam syurga. Dan ia adalah surah تَبَارَكَ (surah al-Mulk).”

T: (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Awṣaṭ), No. 3654 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Saghir), No. 176; (Ibn ‘Abd al-Barr (463H): al-Tamhīd), No. 1242; (al-Ḍiyā’ al-Maqdisī (643H): al-Aḥādīth al-Mukhtārah), No. 1585 & 1586 dan lain-lain.

\*(al-Haythamī (807H): Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id), No. 11430 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ فِي الصَّغِيرِ وَالْأَوْسَطِ، وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ).

#### 4: Surah al-Mulk ialah Surah al-Māni‘ah

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

« سُورَةُ ﴿تَبَارَكَ﴾ هِيَ الْمَانِعَةُ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ »

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Surah ﴿تَبَارَكَ﴾ (al-Mulk), ia adalah [surah yang menjadi] penghalang dari azab kubur.”

T: (al-Shajari (499H): al-Amali al-Khamisiyyah), No. 434 [Lafaz di atas] & (Abu al-Shaykh al-Asbahani (369H): Tabaqat al-Muhaddithin bi Asbahan wa al-Waridin 'alayha), No. 1018 [Lafaz yang sama].

## 5: Rasulullah ﷺ Tidak Tidur Sebelum Membaca Surah al-Sajdah dan Surah al-Mulk

عَنْ جَابِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ :

أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَانَ لَا يَنَامُ حَتَّى يَقْرَأَ ﴿الْم تَنْزِيلُ﴾ وَ ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾

Daripada Jābir رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

Sesungguhnya Baginda Nabi ﷺ tidak tidur sehingga beliau membaca surah ﴿الْم تَنْزِيلُ﴾ (surah al-Sajdah) dan ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ (surah al-Mulk).

T: (al-Tirmidhī (279H): al-Jāmi‘ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2892 [Lafaz di atas]; (al-Dārimī (255H): Sunan al-Dārimī), No. 3411; (Aḥmad (241H): al-Musnad), No. 14249; (al-Nasā’ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 10474, 10475 & 10476; (Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (852H): Itḥāf al-Maharah bi al-Fawā’id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-‘Asharah), No. 7778 dan beliau berkata: (قُلْتُ: رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، فِي (الْجَامِعِ، وَالنَّسَائِيُّ، فِي الْيَوْمِ وَاللَّيْلَةِ مِنْ طَرِيقِ لَيْثِ بْنِ أَبِي سُلَيْمٍ بِهِ مُسْنَدُ عَبْدِ بْنِ هُمَيْدٍ), No. 1040 dan lain-lain.

## 6: Rasulullah ﷺ Mahukan Umat Baginda ﷺ Menghafal Surah Al-Mulk

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ:

«وَدِدْتُ أَنَّهُا فِي قَلْبِ كُلِّ مُؤْمِنٍ» يَعْنِي ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ ❁

Daripada ‘Abdullāh Ibnu ‘Abbās رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

“Aku sukakan agar ia (surah al-Mulk) berada di dalam hati setiap orang beriman,” iaiu ﴿تَبَارَكَ الَّذِي يَدُهُ الْمَلِكُ﴾.

T: (al-Ḥākim (405H): al-Mustadrak ‘alā al-Saḥīḥayn), No. 2008 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا إِسْنَادٌ عِنْدَ الْإِمَانَيْنِ صَحِيحٌ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ) [Pada sanadnya Hafs bin ‘Umar al-‘Adani]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 11616; (al-Bayhaqī (458H): Shu‘ab al-Imān), No. 2507 dan beliau menambah: (وَفِي رِوَايَةِ التَّرَفُّعِيِّ: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((لَوْ دِدْتُ أَنْ تَبَارَكَ فِي صَدْرِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي (قَالَ: )) (al-Shajari (499H): al-Amali al-Khamisiyyah), No. 351 & 353; (Ibn ‘Asākir (571H): Tārīkh Dimashq), No. 26572; (al-Rāfi‘ī (623H): al-Tadwīn fi Akhbār Qazwīn), No. 569 dan lain-lain.

Lafaznya di dalam al-Mu‘jam al-Kabīr oleh al-Tabarānī (w.360H):

«لَوَدِدْتُ أَنَّهُمَا فِي قَلْبِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي» يَعْنِي: ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾

“Aku amat sukakan agar ia (surah al-Mulk) berada di dalam hati setiap insan daripada kalangan umatku,” iaitu ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾.

## 1: (Athar) Surah al-Mulk Memberi Perlindungan dan Syafaat di dalam Kubur

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رضي الله عنه، قَالَ:

مَاتَ رَجُلٌ فَجَاءَتْهُ مَلَائِكَةُ الْعَذَابِ فَجَلَسُوا عِنْدَ رَأْسِهِ، فَقَالَ: لَا سَبِيلَ لَكُمْ إِلَيْهِ،  
قَدْ كَانَ يَقْرَأُ سُورَةَ الْمُلْكِ، فَجَلَسُوا عِنْدَ رِجْلَيْهِ، فَقَالَ: لَا سَبِيلَ لَكُمْ إِلَيْهِ قَدْ كَانَ  
يَقُومُ عَلَيْنَا بِسُورَةِ الْمُلْكِ، فَجَلَسُوا عِنْدَ بَطْنِهِ، فَقَالَ: لَا سَبِيلَ لَكُمْ إِنَّهُ قَدْ وَعَى فِي  
سُورَةِ الْمُلْكِ، فَسُمِّيَتْ الْمَانِعَةَ

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رضي الله عنه, beliau berkata:

“Seorang lelaki telah wafat [dan dikebumikan], lalu para malaikat azab telah datang kepadanya dan mereka duduk di sisi kepalanya.

Maka [pembelanya] berkata: “Tidak ada jalan bagi kamu semua kepadanya [dari arah ini]. Sesungguhnya semasa dia hidup [di dunia], dia sering membaca surah al-Mulk.”

Lalu para malaikat [azab] itu pun duduk di kedua-dua kakinya, akan tetapi [pembelanya] berkata: “Tidak ada jalan bagi kamu semua kepadanya [dari arah ini]. Sesungguhnya semasa dia hidup [di dunia], dia telah berdiri melaksanakan solat dengan surah al-Mulk.”

Lalu para malaikat [azab] itu pun duduk di sisi perutnya, akan tetapi [pembelanya] berkata: “Tidak ada jalan bagi kamu semua kepadanya [dari arah ini]. Sesungguhnya dia telah menghimpunkan surah al-Mulk padaku (menghafalnya).”

Oleh kerana itu, surah ini dinamakan “al-Māni‘ah” [yang bermaksud Penghalang, kerana ia menghalang orang yang mengamalkannya dari azab kubur].”

T: (‘Abd al-Razzāq al-San‘ānī (211H): al-Muṣannaf), No. 5863 [Lafaz di atas]; (al-Ṭabarānī (360H): al-Mu‘jam al-Kabīr), No. 8565 & 8566; (al-Bayhaqī (458H): Ithbāt ‘Adhāb al-Qabr wa Su‘āl al-Malakayn), No. 124; (Abū Nu‘aym al-Asbahānī (430H): Ḥilyat al-Awliyā’ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā’), No. 10690 dan lain-lain.



2: (Athar) Surah al-Mulk adalah Surah *al-Munjiyah/ al-Munajjiyah* (Penyelamat)

عَنْ عِكْرِمَةَ:

أَنَّ ابْنَ عَبَّاسٍ رضي الله عنه قَالَ لِرَجُلٍ: أَلَا أُطْرِفُكَ بِحَدِيثٍ تَفْرَحُ بِهِ؟ قَالَ: بَلَى، يَا ابْنَ عَبَّاسٍ، رَحِمَكَ اللَّهُ، قَالَ: اقْرَأْ ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾، وَاحْفَظْهَا، وَعَلِّمْهَا أَهْلَكَ، وَجَمِيعَ وَلَدِكَ، وَصِبْيَانَ بَيْتِكَ، وَجِيرَانِكَ، فَإِنَّهَا الْمُنْجِيَّةُ (/ الْمُنْجِيَّةُ)، وَهِيَ الْمُجَادِلَةُ مُجَادِلٌ وَتُخَاصِمُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عِنْدَ رَبِّهَا لِقَارِئِهَا، وَتَطْلُبُ لَهُ إِلَى رَبِّهَا أَنْ يُنَجِّيَهُ مِنَ النَّارِ إِذَا كَانَتْ فِي جَوْفِهِ، وَيُنَجِّي اللَّهُ بِهَا صَاحِبَهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ. قَالَ عِكْرِمَةُ، قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ رضي الله عنه: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «لَوْ دِدْتُ أَنَّهَا فِي قَلْبِ كُلِّ إِنْسَانٍ مِنْ أُمَّتِي»

Daripada 'Ikrimah, beliau meriwayatkan bahawa:

Sesungguhnya 'Abdullāh Ibnu 'Abbās رضي الله عنه telah berkata kepada seorang lelaki: “Tidakkah kamu mahu aku memberitahu kamu satu hadith yang engkau akan merasa gembira dengannya?”

Lelaki tersebut berkata: “Bahkan, wahai Ibnu Abbās! Semoga Allah merahmatimu.”

Beliau berkata: “Bacalah ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ (surah al-Mulk), hafalkannya serta ajarkanlah ia kepada ahli keluargamu, semua anak-anakmu, kanak-kanak di dalam rumahmu dan jiran-jiran mu. Maka sesungguhnya ia adalah penyelamat (*munjiyah/ munajjiyah*) dan ia adalah pembela yang akan membela dan mempertahankan pembacanya pada hari kiamat kelak di sisi Tuhannya.

Dan ia akan meminta daripada Tuhannya untuk menyelamatkan pembacanya daripada api neraka sekiranya ia berada di dalam rongganya (iaitu dihafal di dalam hati).

Dan dengan [syafaat]nya, Allah ﷻ akan menyelamatkan pembacanya daripada azab kubur.”

‘Ikrimah juga berkata: ‘Abdullāh Ibnu ‘Abbās رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda: “Aku sangat inginkan agar ia (surah al-Mulk) berada di dalam hati setiap orang daripada kalangan umatku.”

T: ('Abd Ibn Humayd (249H): Musnad 'Abd Ibn Humayd), No. 610 [Lafaz di atas]; (Ibn Hajar al-‘Asqalānī (852H): al-Maṭālib al-‘Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamānīyah), No. 3763 dan beliau berkata: (وَرَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ، مُخْتَصَرًا، وَأَخْرَجَهُ الْبَزَّازُ، عَنْ سَلَمَةَ بْنِ شَيْبٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ بْنِ الْحَكَمِ، مُقْتَصِرًا) & (al-Būṣīrī (840H): Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānid al-‘Asharah), No. 7867.

### 3: (Athar) Surah al-Mulk Mempertahankan Orang Yang Membacanya pada Setiap Malam daripada Azab Kubur

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ:

مَنْ قَرَأَ ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ كُلَّ لَيْلَةٍ، مَنَعَهُ اللَّهُ بِهَا مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَكُنَّا فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ نُسَمِّيهَا الْمَانِعَةَ، وَإِنَّهَا فِي كِتَابِ اللَّهِ سُورَةٌ مَنْ قَرَأَ بِهَا فِي كُلِّ لَيْلَةٍ فَقَدْ أَكْثَرَ وَأَطَابَ

Daripada ‘Abdullāh Ibnu Mas‘ūd رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

“Barangsiapa membaca surah ﴿تَبَارَكَ الَّذِي بِيَدِهِ الْمُلْكُ﴾ (al-Mulk) pada setiap malam, maka Allah akan menghalangnya (memeliharanya) dengan sebab surah tersebut dari seksa kubur.

Dan kami dahulu pada zaman Rasulullah ﷺ [masih hidup], kami menamakannya dengan *al-māni‘ah* (penghalang).

Dan sesungguhnya ia (surah al-Mulk) adalah satu surah di dalam kitab Allah (al-Qur’an); barang siapa yang membacanya pada setiap malam, maka sesungguhnya dia telah melakukan banyak kebaikan dan melakukannya dengan baik.”

T: (al-Nasā‘ī (303H): al-Sunan al-Kubrā), No. 10475 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (مُخْتَصَرٌ); (al-Shajari (499H): al-Amali al-Khamisiyyah), No. 365 dan lain-lain.

## ﴿RU'YAH ŞĀLIḤAH BERKENAAN BACAAN SURAH AL-MULK DI SISI KUBUR﴾

Al-Ḥāfiẓ Abū Bakr al-Khallāl al-Ḥanbalī (w.311H) telah menukilkan di dalam risalahnya “al-Qirā’ah ‘ind al-Qabr”:

أَخْبَرَنِي أَبُو يَحْيَى النَّاقِدُ، قَالَ: سَمِعْتُ الْحَسَنَ بْنَ الْحُرِّ، وَهُوَ يَقُولُ:

مَرَرْتُ عَلَى قَبْرِ أُخْتِي لِي، فَقَرَأْتُ عِنْدَهَا ﴿تَبَارَكَ﴾ لِمَا يُذَكَّرُ فِيهَا، فَجَاءَنِي رَجُلٌ فَقَالَ: إِنِّي رَأَيْتُ أُخْتَكَ فِي الْمَنَامِ، تَقُولُ: جَزَى اللَّهُ أَبَا عَلِيٍّ خَيْرًا، فَقَدْ انْتَفَعْتُ بِمَا قَرَأَ.

Abū Yaḥyā al-Nāqid telah memberitahuku, dengan berkata: Aku telah mendengar al-Ḥasan bin al-Ḥurr berkata:

“Aku pernah melalui sebuah kubur saudara perempuanku, lalu aku pun membaca di sisi [kubur]nya [surah] ﴿تَبَارَكَ﴾ (al-Mulk) kerana apa yang diriwayatkan berkenaan [fadilat/kelebihan]nya.

Lalu ada seorang lelaki telah datang kepadaku dan berkata: “Sesungguhnya aku telah melihat saudara perempuanmu di dalam mimpi, dia berkata: Semoga Allah memberi ganjaran kebaikan kepada Abū ‘Ālī (al-Ḥasan bin al-Ḥurr), maka sesungguhnya aku telah mendapat manfaat dengan apa yang telah beliau bacakan [daripada surah al-Mulk di sisi kuburku].”

T: (Abu Bakr al-Khallal (311H): al-Qira'ah 'ind al-Qubur), No. 9.

### Abū Yaḥyā al-Nāqid (w.285H)

Abū Yaḥyā al-Nāqid adalah salah seorang daripada kalangan tokoh ahli hadith yang pernah mengambil riwayat daripada Imam Aḥmad bin

Ḥanbal. Berkenaan beliau, al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī berkata di dalam “Siyar A‘lām al-Nubalā”:

وكان أحد العباد المجتهدين، وَمِنْ أَثْبَاتِ الْمُحَدِّثِينَ. وذكره الدارقطني فقال: ثقة فاضل.

“Beliau adalah salah seorang dari kalangan ahli ibadah yang mujtahidin (bersungguh-sungguh di dalam ibadah) dan salah seorang dari kalangan para ulama’ hadith yang kukuh.


Dan [Imam] al-Dāraqūṭnī telah menyenaraikan beliau dan berkata: Seorang yang thiqah dan fāḍil (mempunyai kemuliaan).”

ودفن يوم الجمعة لثمان بقين من شهر ربيع الآخر سنة خمس وثمانين ومائتين.

“Beliau dikebumikan pada hari Jumaat, lapan hari berbaki dari bulan Rabi‘ul Akhir, tahun dua ratus lapan puluh lima (285) [Hijrah].

- 'Abd Ibn Humayd. *Musnad 'Abd Ibn Humayd* [Tahqiq: Subhi al-Badri al-Samara'i & Mahmud Muhammad Khalil al-Sa'idi]. Maktabat al-Sunnah.
- 'Abd al-Razzāq al-San'ānī. (1403H). *al-Muṣannaf*. al-Maktab al-Islami.
- Abu al-Shaykh al-Asbahani. (1989). *Tabaqat al-Muhaddithin bi Asbahan wa al-Waridin 'alayha* [Tahqiq: 'Abd al-Ghaffar Sulayman al-Bandari & Sayyid Kasrawi Hasan]. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abu Bakr al-Khallal. *al-Qira'ah 'ind al-Qubur*. Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī. (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Nu'aym al-Asbahānī. (1409H). *Ḥilyat al-Awliyā' wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyā'* (Vol. 10). Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Abū Nu'aym al-Aṣbahānī. *Dalā'il al-Nubuwwah*. Dar al-Nafa'is.
- Aḥmad, Ibn Ḥanbal. (1995). *al-Musnad*. Mu'assasat al-Risālah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn. *Dalā'il al-Nubuwwah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn. *Ithbāt 'Adhāb al-Qabr wa Su'āl al-Malakayn*. Dar al-Furqan.
- al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn. *Shu'ab al-Imān*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Būṣīrī. (1998). *Ithāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawā'id al-Masānīd al-'Asharah* [Tahqiq: Abu 'Abd al-Rahman 'Adil Ibn Sa'd & Abu Ishaq al-Sayyid Ibn Mahmud]. al-Rushd.
- al-Dārimī, 'Abdullāh 'Abdurrahmān. (2000). *Sunan al-Dārimī*. Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Dhahabī, Muhammad Ahmad (1992). *Siyar A'lām al-Nubalā'*. Mu'assasat al-Risalah.
- al-Ḍiyā' al-Maqdisī. *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. 'Abd al-Malik Dahish.

- al-Ḥākim, Ibn al-Bayyī' al-Naysabūrī. (1990). *al-Mustadrak 'alā al-Sahīḥayn*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haythamī, Nūr al-Dīn. (1994). *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id* [Tahqiq: Hisam al-Dīn al-Qudsi]. Maktabat al-Qudsi.
- al-Mizzi, Yusuf. (2002). *Tahdhib al-Kamal*. Mu'assasat al-Risalah.
- al-Nasā'ī, Aḥmad Shu'ayb. (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Rāfi'ī, 'Abd al-Karīm. (1987). *al-Tadwīn fi Akhbār Qazwīn*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shajari, Yahya al-Husayn. (2001). *al-Amali al-Khamisiyyah*. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Aḥmad. *al-Mu'jam al-Saghir*. Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Aḥmad. *al-Mu'jam al-Awṣaṭ*. Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Ṭabarānī, Sulayman Aḥmad. *al-Mu'jam al-Kabīr*. Maktabat al-'Ulūm wa al-Ḥikam.
- al-Tirmidhī, Muḥammad 'Isā. *al-Jāmi' al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. Maktabat al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf Abdullah. *al-Tamhīd*. Wizarat 'Umum al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Ibn 'Asākir, Ali Hasan. (1998). *Tārīkh Dimashq*. Dar al-Fikr.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī. (1996). *Ithāf al-Maharah bi al-Fawā'id al-Mubtakarah min Aṭrāf al-'Asharah*. Majma' al-Malik Fahd wa Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah.
- Ibn Ḥajar al-'Asqalānī, Aḥmad 'Alī. (1998). *al-Maṭālib al-'Āliyah bi Zawā'id al-Masānid al-Thamāniyah*. al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah.
- Ibn Ḥibbān, Muḥammad. (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Mu'assasat al-Risālah.
- Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī. (2010). *Sunan Ibn Mājah*. Dār Ihyā' al-Kutub al-'Arabiyyah.





*40 Hadith Berkenaan*

# *40 Amalan Sunat Harian*

*Keampunan Dosa & Pahala Luar Biasa*

Buku ini adalah merupakan satu usaha kecil penulis untuk menghimpunkan empat puluh (40) hadith berkaitan amalan-amalan sunat harian yang asas dan mampu dilakukan pada setiap hari. Hadith-hadith yang dipilih bagi buku ringkas ini adalah berkaitan dengan [i] amalan sunat, bukan amalan wajib, [ii] yang boleh dilakukan setiap hari dengan mudah, [iii] khususnya yang berkaitan dengan amalan tubuh badan dan zahir seperti solat, bacaan al-Quran, zikrullah, selawat dan doa. Amalan-amalan sunat ini disebut oleh Rasulullah ﷺ sebagai sebab penghapus dosa dan mendapatkan keampunan Allah ﷻ serta mempunyai pahala-pahala luar biasa dan istimewa. Untuk memudahkan rujukan dan pembacaan, penulis membahagikan hadith-hadith ini kepada tiga bahagian utama iaitu [i] pahala luar biasa, [ii] keampunan dosa, dan [iii] kurniaan istimewa.

Dr. Abdullaah Jalil merupakan pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Nilai, Negeri Sembilan. Beliau turut memainkan peranan sebagai ahli Jawatankuasa Syariah di dalam industri perbankan Islam, takaful, retakaful, koperasi dan wakaf sejak 2012 sehingga ke hari ini. Beliau juga merupakan ahli Panel Syariah USIM sejak ia ditubuhkan dan menjadi salah seorang penyelidik fatwa bagi Jabatan Mufti Negeri Sembilan sejak tahun 2016. Beliau juga terlibat di dalam bidang Deradikalisasi dan PCVE (Kefahaman Agama) sejak tahun 2008 dan dianugerahkan anugerah "Friends of the Police" pada Hari Polis Kebangsaan 2012.